

KAUM CINA PERANAKAN DI CHINATOWN, TERENGGANU:  
KAJIAN KE ATAS PENGLIBATAN KOMUNITI CINA  
PERANAKAN DALAM FESTIVAL ‘MEK AWANG’

NUR ATHIRAH AQILAH BINTI ARIFFIN

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN  
2024

KELANTAN



**KAUM CINA PERANAKAN DI CHINATOWN,  
TERENGGANU: KAJIAN KE ATAS PENGLIBATAN  
KOMUNITI CINA PERANAKAN DALAM FESTIVAL  
‘MEK AWANG’**

Oleh

**NUR ATHIRAH AQILAH BINTI ARIFFIN**

Tesis ini dikemukakan bagi memenuhi syarat untuk Ijazah  
Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2024**

**PENGESAHAN TESIS**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

**TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

**SEKATAN**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_

**SULIT**

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajaran sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajaran.

**Tandatangan****Tandatangan Penyelia**

---

000717-11-0494

No. Kad Pengenalan

Tarikh: 11 Januari 2024

Dr. Daeng Haliza Bt Daeng Jamal

Nama Penyelia

Tarikh:

## **PENGHARGAAN**

Segala puji dan syukur kepada Allah S.W.T, Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani, selawat dan salam ke atas junjungan Rasul, Muhammad S.A.W.

Syukur alhamdulillah dengan izin dan rahmatNya, saya dapat menyiapkan projek penyelidikan dengan sempurna. Pertama sekali, saya dedikasikan penghargaan ini kepada Dr.Daeng Haliza binti Daeng Jamal iaitu selaku penyelia saya dalam menyempurnakan projek penyelidikan ini. Beliau telah banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar, nasihat, kritikan-kritikan yang membina dan perbincangan yang amat bermakna diberikan sepanjang tempoh menyiapkan kajian dan proses penulisan projek penyelidikan ini.

Seterusnya, tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya dan ahli keluarga yang banyak memberi sokongan moral dan kata-kata semangat sepanjang menyiapkan projek penyelidikan ini serta membantu saya dari segi kewangan dalam menampung perbelanjaan saya semasa menyiapkan tugas ini.

Akhir sekali, saya ucapkan terima kasih kepada kawan-kawan saya dan semua pihak yang telah terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam menghulurkan bantuan, bimbingan dan kerjasama kepada saya sehingga kajian ini dapat disiapkan dengan sempurna.

Sekian, Terima Kasih.

## ABSTRAK

Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu merupakan golongan etnik yang unik kerana mereka juga meraikan Festival Peranakan Terengganu pada setiap tahun yang diadakan di Chinatown, Terengganu. Festival ini dikenali sebagai Festival “Mek Awang” yang menonjolkan seni, warisan dan budaya. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sejarah masyarakat Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu, penglibatan komuniti Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang” dan potensi keberkesanan Festival “Mek Awang” dalam melestarikan warisan Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu. Dua kaedah kajian digunakan dalam kajian ini iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif merangkumi aspek temu bual, rakaman audio dan foto manakala kaedah kuantitatif menggunakan edaran borang soal selidik. Model Kerangka *Ladder of participation* yang diasaskan oleh Arnstein digunakan untuk menonjolkan penglibatan komuniti Cina Peranakan di Chinatown. Hasil kajian mendapati bahawa komuniti Cina Peranakan Chinatown khususnya di Terengganu, majoriti mereka mengetahui dan menerima Festival “Mek Awang” merupakan salah satu seni dan warisan yang ditonjolkan oleh Cina Peranakan di Chinatown. Usaha penglibatan komuniti setempat sangat digalakkan bagi melestarikan seni warisan Cina Peranakan, Terengganu. Hal ini menjadi salah satu matlamat untuk mengekalkan dan mewarisan segala keunikan Cina Peranakan disamping dapat menghidupkan kembali budaya mereka.

**Kata kunci:** *Cina Peranakan*, Chinatown, Terengganu, Festival “Mek Awang”, warisan, Model Kerangka *Ladder of participation* yang diasaskan oleh Arnstein , Persatuan Peranakan Cina Terengganu, etnik.

## ABSTRACT

Peranakan Chinese in Chinatown, Terengganu are a unique ethnic group as they also celebrate the Terengganu Peranakan Festival every year which is held in Chinatown, Terengganu. The Festival is known as the “Mek Awang” Festival which highlights art, heritage and culture. This study aims to identify the history of the Peranakan Chinese community in Chinatown, Terengganu, the involvement of the Peranakan Chinese community in the “Mek Awang” festival and the potential effectiveness of the “Mek Awang” Festival in preserving the Peranakan Chinese heritage in Chinatown, Terengganu. Two research methods were used in this study, namely qualitative and quantitative methods. Qualitative methods include interviews, audio recordings and photos while quantitative methods use questionnaires. Arnstein's Ladder of participation framework Model was used to highlight the involvement of the Peranakan Chinese community in Chinatown. The results found that the Chinese Peranakan community in Chinatown, especially in Terengganu, the majority of them know and accept the Festival “Mek Awang” is one of the arts and heritage highlighted by the Chinese Peranakan in Chinatown. Local community involvement efforts are strongly encouraged to preserve the art of Peranakan Chinese heritage, Terengganu. This is one of the goals to preserve and inherit all the uniqueness of Chinese Peranakan besides being able to revive their culture.

**Keywords:** Peranakan Chinese, Chinatown, Terengganu, “Mek Awang” Festival, Heritage, Ladder of participation framework Model founded by Arnstein, Terengganu Chinese Peranakan Association, ethnicity.

**ISI KANDUNGAN**

	<b>Muka surat</b>
<b>PENGESAHAN TESIS</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	iv
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalah Kajian	5
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Skop Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.6.1 Individu	9
1.6.2 Masyarakat	10
1.6.3 Institusi	10
1.7 Organisasi Kajian	12
<b>BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS</b>	
2.1 Pengenalan	14
2.2 Sorotan kajian lepas	15
2.3 Kerangka Model	26
2.4 Kesimpulan	31
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	32
3.2 Reka bentuk Kajian	33
3.2.1 Kaedah Kuantitatif	34
3.2.2 Kaedah Kualitatif	35
3.3 Pengumpulan Data	36
3.3.1 Sumber Data Primer	36

	3.3.2 Sumber Data Sekunder	39
3.4	Proses Kajian	41
3.5	Persampelan Kajian	42
3.6	Instrumen kajian	43
	3.6.1 Buku Catatan	43
	3.6.2 Borang Soal Selidik	44
	3.6.3 Perakam Suara	44
	3.6.4 Kamera	44
3.7	Kaedah Analisis Data	45
	3.7.1 Analisis Tematik	46
	3.7.2 Analisis Kandungan Teks	46
	3.7.3 Kekerapan Peratusan	48
3.8	Kesimpulan	52

**BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	53
4.2	Sejarah Kewujudan Cina Peranakan Chinatown, Terengganu	54
4.3	Analisis Dapatan Temu bual	56
	4.3.1 Kewujudan Komuniti Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu	56
	4.3.2 Penglibatan Komuniti Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang”	61
	4.3.3 Potensi Melestarikan warisan Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang”, Terengganu	68
4.4	Analisis Soal Selidik	71
	4.4.1 Demografi Responden	71
	4.4.2 Kewujudan Komuniti Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu	74
	4.4.3 Penglibatan Komuniti Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang”	79
	4.4.4 Potensi Melestarikan warisan Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang”	84
4.5	Kerangka Model	88

4.6	Kesimpulan	94
<b>BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN</b>		
5.1	Perbincangan	95
5.2	Cadangan daripada hasil kajian	98
5.2.1	Cadangan kepada pengkaji yang akan datang	98
5.2.2	Cadangan kepada pihak media massa	99
5.2.3	Cadangan kepada Institusi Pendidikan	99
5.3	Kesimpulan	100
<b>RUJUKAN</b>		<b>102</b>
<b>LAMPIRAN</b>		<b>104</b>

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka surat</b>
3.1	Jadual pembahagian soalan soal selidik	38
3.2	Kaedah Analisis data	49
4.1	Demografi Responden	71
4.2	Kewujudan Komuniti Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu	74
4.3	Penglibatan komuniti Cina Peranakan Terengganu dalam Festival “Mek Awang”	79
4.4	Potensi melestarikan warisan Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang” Terengganu	84

UNIVERSITI  
 ━━━━━━  
 MALAYSIA  
 ━━━━━━  
 KELANTAN

**SENARAI RAJAH**

<b>Jadual</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka surat</b>
1.1	Peta lokasi Chinatown, Terengganu	7
2.3	Kerangka tangga penyertaan masyarakat	26
2.4	Kerangka Model	30
3.1	Proses menghasilkan kajian	41
3.2	Kaedah Analisis Data	49

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**SENARAI GAMBAR**

<b>Jadual</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka surat</b>
4.1	Persembahan tarian Naga	67
4.2	Cina Peranakan memakai baju Baba Nyonya	67
4.3	Media yang digunakan oleh Cina Peranakan	87

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pengenalan

Menurut Awang (2008), rekod awal yang telah dicatatkan oleh Shui Zhu Jing dalam tulisannya menceritakan bahawa orang Cina telah membentuk kerajaannya di Dungun bermula pada 3 Masihi dahulu. Kampung Cina yang lebih dikenali sebagai Chinatown yang terletak di Kuala Terengganu yang mana merupakan perkampungan yang terbesar bagi pedagang Cina yang akan datang berdagang di antara China dan Semenanjung Tanah Melayu bermula abad ke-15. Kewujudan Kampung Cina adalah merupakan buktinya kewujudan yang adanya jalinan hubungan yang baik di antara perdagangan kerajaan China dan kerajaan Terengganu. Melalui buku sejarah China yang tercatatnya karangan yang bertajuk ‘Cao-Ju-Kua’ yang siap ditulis pada tahun 1225, di dalam penulisannya menyatakan bahawa Tanah Melayu merupakan satu pelabuhan perdagangan yang terdapat di persisiran Pantai Timur.

Manakala menerusi catatan penulis China, kemungkinan orang Cina akan berkerajaan di Kuala Besut atau Kuala Terengganu ketika zaman Dinasti Sui yang mana negeri tersebut dinamakan “Tan Tan” untuk menyerah ufti kepada China dan Paul Wheatley. Catatan tersebut juga menyatakan bahawa Kuala Terengganu dan Kuala Berang merupakan pusat perniagaan utama di Asia Tenggara pada abad ke 12. Sungai Terengganu merupakan laluan utama dan penting bagi pedagang-pedagang asing pada zaman itu. Pedagang barang seperti Kayu Gaharu, Kayu Laka, Gading bermutu tinggi dijadikan pertukaran dengan Emas dan Perak.

Selain itu, menurut Farah Shazwani Ali (2019) terdapat juga jumpaan rekod menyatakan Kuala Terengganu adalah antara kota persinggahan utusan kerajaan Ming China, Laksamana Zheng He diantara tahun 1405 dan 1433. Pada abad ke 19, pelayar terkenal, Abdullah Munsyi yang singgah di Kuala Terengganu mencatatkan kaum Cina pada zaman tersebut berkomunikasi sepenuhnya dalam bahasa Melayu Terengganu. Apabila kedatangan Abdullah Munsyi datang ke Terengganu, Terengganu mula berkembang menjadi bandar perdagangan yang penting antara Kerajaan China dan Kerajaan Terengganu. Dalam catatan pengembara China yang ditulis pada tahun 1225, ‘Chao Ju Kua’, ada menyebut ‘Teng-Ya-Nong’ atau Kuala Terengganu sebagai sebuah pelabuhan perdagangan yang penting di persisiran Pantai Timur di Tanah Melayu. Tarikh laporan tersebut yang tepat tidak dapat dikenalpasti kerana Kampung Cina dibangunkan tanpa ada sebarang kajian arkeologi dijalankan di Kawasan tersebut.

Menurut Ahli Jawatankuasa Persatuan Peranakan Cina Terengganu (2019), beliau menyatakan bahawa kebanyakan golongan peranakan biasanya berasal dari Fujian, di China Selatan yang sampai dan tinggal di beberapa lokasi di Terengganu bermula abad ke-14 hingga ke-17. Menurut beliau lagi, mereka adalah generasi yang ke-11 hingga ke-19 yang masih mengekalkan warisan Cina dan secara tidak langsung menggabungkan budaya, masakan dan gaya hidup Melayu tempatan. Bukan itu sahaja, golongan Cina Peranakan ini juga menggunakan loghat Melayu Terengganu semasa berkomunikasi yang dianggarkan hampir 70% keseluruhannya.

Menurut Farah Shazwani Ali (2023), pada abad ke-15, kedatangan Cina di Semenanjung Melayu yang juga dikenali sebagai komuniti ‘Cheng Mua Lang’, pada itu Parameswara telah memerintah dimana Laksaman Zheng He (Cheng Ho) telah melawat Melaka dan Jawa. Menurut sejarah, komuniti Cina juga bermula dari Maharaja China yang menghantar seorang puteri yang bernama Hang Li Po kepada Sultan Melaka sebagai tanda penghargaan dan penghormatan. Kebanyakkan raja-raja dan hamba-hamba yang menetap di Bukit Cina yang mengiringi puteri di Bukit Cina, bermula dari situlah Bukit Cina berkembang menjadi sebuah kelas kaum Cina. Kelas kaum cina ini lahir di Selat yang dikenal juga sebagai Peranakan. Bermula dari situ, ramai Cina Peranakan yang menetap di Terengganu dengan beberapa lokasi sehingga abad ke-17. Komuniti masyarakat Cina Peranakan di Terengganu telah mewarnai budaya dan identitinya yang tersendiri.

Menurut Syed Ezdy (2021) Cina Peranakan di Terengganu juga meraikan Festival Peranakan Terengganu pada setiap tahun yang diadakan di Kampung Cina, Kuala Terengganu. Festival ini diadakan adalah untuk menonjolkan seni, warisan dan budaya. Pada tahun 2018, festival ini ditukar namanya kepada Festival Mek dan Awang walaupun pada tahun 2021 negara kita dilanda dengan wabak Covid-19, festival ini diraikan secara sederhana dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP). Rentetan itu, masyarakat Cina Peranakan di Terengganu digelar Mek dan Awang yang membentuk satu golongan etnik yang mempunyai ciri istimewa dan unik yang mana sebahagiannya menetap di Kampung Tiruk dan Banggul Kemang yang berada di Dun Alur Limbat yang terletak 18-kilometer dari bandaraya Kuala Terengganu. Menurut Timbalan Presiden Dewan Perniagaan Terengganu (2018), Festival Mek Awang adalah merupakan salah satu usaha yang diadakan bagi menarik

lebih ramai anak Terengganu yang merantau akan pulang ke kampung halaman dan secara tidak langsung untuk meningkatkan lagi kesedaran dan mengetengahkan lagi keunikan budaya Cina Peranakan.

Menurut Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri,Kebudayaan dan Pelancongan(2019), pada tahun 2004, Kampung Cina telah berkembang maju dengan pelbagai kemudahan infrastruktur menyebabkan kerajaan mewartakan sebagai tempat peninggalan Cina Peranakan di Terengganu dan pada tahun tersebut juga, kerajaan telah mengisytiharkan Kampung Cina sebagai tapak warisan di Terengganu dan telah pun diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia oleh United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) dan Bangsa-bangsa Bersatu (BBB) di bawah *Program Watch Monument* untuk memelihara warisan pra-kolonial yang ketara ini.yang berada di Terengganu kerana Orang Cina di Chinatown Terengganu adalah golongan minoriti dengan populasi pada tahun 2010 adalah seramai 26,429 orang, hanya 2.43% daripada jumlah keseluruhan penduduk di negeri ini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.2 Permasalahan Kajian

Antara permasalahan kajian yang timbul mengenai penglibatan komuniti Cina Peranakan dalam Festival “Mek Awang” ini pertamanya ialah golongan muda kurang didedahkan tentang golongan Cina Peranakan di Terengganu. Hal ini disebabkan kerana mereka banyak menghabiskan masa lapang mereka dengan media sosial malah melupakan salah satu budaya yang perlu dipelihara. Cina Peranakan ini perlu dijaga kerana mempunyai keunikan dan keistimewaan yang tersendiri yang mana berbeza dengan Baba Nyonya yang terdapat di Melaka. Menurut Setiausaha Persatuan Peranakan Cina Terengganu (2019), beliau menyeru agar semua pihak menjaga budaya Cina Peranakan Terengganu ini untuk kepentingan masa hadapan agar segala budaya dan adat tidak berhenti di situ sahaja.

Justeru, fenomena ini didapati boleh menjaskankan penganjuran Festival ‘Mek Awang’ pada masa akan datang kerana kebanyakan golongan Cina Peranakan yang tua dan berusia sahaja menetap di Terengganu dan Kampung Tirok yang merupakan penempatan majoriti Cina Peranakan di Terengganu. Menurut beliau lagi, bilangan golongan tua Cina Peranakan di Terengganu juga didapati semakin berkurangan, manakala golongan muda majoritinya telah berhijrah ke lain-lain tempat atas urusan bekerja, belajar dan berkahwin. Tidak boleh dinafikan bahawa, fenomena ini sedikit sebanyak menyebabkan Festival ‘Mek Awang’ kurang mendapat sambutan daripada generasi muda yang seharusnya memainkan peranan penting dalam mempertahankan warisan mereka. Kebimbangan terhadap penglibatan komuniti Cina Peranakan dalam Festival ‘Mek Awang’ ini gagal diwarisi oleh legasi seterusnya terutamanya dalam peredaran masa (Chuan Bin 2019).

### 1.3 Persoalan Kajian

Dalam membuat sesuatu kajian, persoalan mestilah diberi pendedahan dari penyelidik.

Persoalan kajian ini merujuk kepada :

- i. Apakah sejarah kewujudan masyarakat Cina Peranakan di Terengganu?
- ii. Bagaimanakah penglibatan komuniti Cina Peranakan Terengganu dalam festival “Mek Awang”?
- iii. Adakah festival “Mek Awang” berpotensi melestarikan warisan Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu?


### 1.4 Objektif Kajian

Setiap kali melaksanakan sesuatu penyelidikan, objektif kajian hendaklah diberi penekanan. Hal ini tercetus apabila, objektif kajian berperanan sebagai satu rangka untuk dijadikan rujukan kepada pengkaji agar kajian yang dijalankan berjalan dengan lancar dan bersistematik. Oleh itu, dalam kajian ini, penyelidik menggariskan objektif utama:

- i. Mengenalpasti sejarah masyarakat Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu.
- ii. Menghuraikan penglibatan komuniti Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang”.
- iii. Membincangkan potensi keberkesanan Festival “Mek Awang” dalam melestarikan warisan Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu.

## 1.5 Skop Kajian

Cina Peranakan di Terengganu mempunyai dua kategori iaitu Cina Peranakan yang menetap di Kampung Tirok dan Kampung Banggul Kemang. Bandaraya Kuala Terengganu hanya terletak kira-kira 17kilometer dari kedua-dua kampung ini. Bukan itu sahaja, kedua-dua kampung ini juga mempunyai persaudaraan yang baik di antara penduduk mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana, penduduk mereka dianggap sebagai sebuah komuniti yang sama. Populasi Cina Peranakan yang menetap tetap di Kampung Tirok seramai 73 orang manakala penduduk Cina Peranakan yang tinggal di Kampung Tirok mempunyai bilangan yang agak kecil kerana kebanyakkan Cina Peranakan telah berhijrah keluar atas urusan kerja dan menuntut ilmu. Hal ini berlaku kerana golongan muda tidak langsung berminat untuk mengendalikan aktiviti pertanian berbanding generasi tua yang berumur lingkungan 60- an dan 70-an.



Rajah 1.1: Peta lokasi Chinatown, Terengganu

(Sumber: Google)

Kajian ini difokuskan di Kampung Cina atau lebih dikenali Chinatown yang terletak dalam bandar Kuala Terengganu yang mana di situ, terdapatnya penempatan kaum cina tertua yang wujud sejak abad ke-15. Bukti kewujudan Kampung Cina Kuala Terengganu dapat dilihat melalui terjalinnya hubungan yang erat antara perdagangan kerajaan China dan kerajaan Terengganu. Hal ini membuka mata pengkaji untuk membuat kajian dengan lebih meluas lagi di Kampung Cina dan memandangkan Terengganu merupakan tempat lahir saya. Ini sedikit sebanyak pengkaji akan mudah untuk membuat kajian lapangan seperti membuat pemerhatian dan mengedar borang soal selidik. Bukan itu sahaja, pengkaji juga mudah untuk turun ke kajian untuk mengutip data dengan menemu bual bersama orang yang berpengalaman.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.6 Kepentingan Kajian

Terdapat beberapa kepentingan yang telah pengkaji utamakan dalam kajian ini iaitu melibatkan:

### 1.6.1 Individu

Kajian ini juga memberi kepentingan juga terhadap individu supaya seseorang itu dapat mengetahui dan mengenali dengan lebih mendalam mengenai penglibatan kaum Cina Peranakan dalam Festival “Mek Awang” yang sememangnya perlu dikekalkan kerana akan menjadi satu warisan yang penting untuk terus memastikan kelestarian seni, budaya warisan masyarakat Cina dapat ditonjolkan identitinya. Justeru, khususnya golongan muda terutamanya golongan mahasiswa yang merupakan individu yang terpenting dalam membantu pihak kerajaan untuk memberi kesedaran sekaligus dapat memelihara dan memulihara budaya warisan Cina Peranakan Terengganu sebagai lambang identity bangsa Cina di Terengganu untuk tatapan generasi yang akan datang. Bukan itu sahaja, kajian ini juga memberi maklumat dan panduan kepada generasi lain untuk membuat kajian yang sama. Dalam hal ini, pengkaji ingin mendedahkan warisan yang mungkin tidak semua orang mengetahuinya. Oleh itu, Festival “Mek Awang” ini menghadapi kepupusan dalam kalangan golongan muda kerana majoritinya berpindah ke luar negara atas urusan lain. Melalui kajian ini, pengkaji ingin menyemai semangat cintakan warisan budaya dalam diri setiap individu agar budaya Cina Peranakan dapat dikekalkan.

### 1.6.2 Masyarakat

Pendedahan terhadap berlakunya peningkatan sosio budaya dalam masyarakat khususnya di Terengganu sedikit sebanyak dapat membuka minda masyarakat betapa pentingnya budaya Cina Peranakan. Hal ini demikian kerana, penglibatan Cina Peranakan di Terengganu dalam festival “Mek Awang” menonjolkan keakrabban hubungan erat bukan sahaja dalam komuniti Cina sahaja malah lebih erat dengan masyarakat kaum Melayu khususnya di sekeliling. Perkara tersebut secara tidak langsung dapat menghakis isi “perkauman kaum” sebaliknya dapat melahirkan kemesraan dan kasih sayang dalam kalangan sahabat andai mahupun keluarga. Oleh yang demikian, pengkaji melihat kepentingan kajian ini adalah bertujuan untuk memberi kesedaran dalam diri masyarakat untuk menghargai budaya Cina Peranakan Terengganu. Pihak berkepentingan perlu memberi pendedahan awal kepada masyarakat setempat mengenai Festival “Mek Awang” agar masyarakat dapat menyertai dan melibatkan diri dalam festival tersebut secara tidak langsung dapat mendokumentasikan warisan budaya ini di media massa agar tidak dilupakan.

### 1.6.3 Institusi

Pendedahan Cina Peranakan ini kurang ditonjolkan di institusi-institusi di Malaysia sama ada institusi kerajaan mahupun swasta. Hal ini menyebabkan, Festival “Mek Awang” ini kurang mendapat tempat dihati masyarakat. Usaha gigih ini perlu diambil berat oleh pihak yang bertanggungjawab seperti Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan melalui Jabatan Warisan Negara dengan sokongan dan Kerjasama daripada

pelbagai pihak-pihak lain seperti Kerajaan Negeri da Institusi Pengajian Tinggi untuk menyelamatkan Festival “Mek Awang” daripada kepupusan kerana mempunyai keunikan budaya tersendiri. Disamping itu, melalui alternatif sebegini dapat memperkenalkan kepada generasi muda mengenai budaya yang diamalkan dalam komuniti Cina Peranakan dapat dikekalkan agar tidak terus lenyap. Jelaslah bahawa, melalui kajian ini dapat membantu institusi Pendidikan di negara kita dalam melahirkan pendidik dan graduan yang berilmu pengetahuan, berwawasan dan sebagainya. Hasil kajian dan penyelidikan yang dibuat sedikit sebanyak dapat memberi inspirasi dan rujukan kepada generasi baru sekaligus memartabatkan karya yang diterbitkan kepada khalayak umum. Hal ini jelas akan meninggalkan impak besar kepada institusi Pendidikan agar terus bersemangat untuk membuat penyelidikan tentang sejarah Cina Peranakan di Terengganu pada masa akan datang.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.7 Organisasi Kajian

Organisasi penulisan adalah merupakan turutan maklumat yang terperinci secara ringkas untuk keterangan bagi setiap bab dalam kajian. Dalam bab 1, kajian ini membincangkan mengenai sejarah kedatangan Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu. Bukan itu sahaja, pengkaji menghuraikan maksud istilah peranakan. Bab ini juga pengkaji menjelaskan permasalahan kajian yang menjadi isu utama festival Cina Peranakan kurang mendapat sambutan dari generasi muda. Dalam bab ini dijelaskan juga tiga persoalan dan objektif kajian yang bersesuaian dengan tajuk kajian. Skop kajian juga dikupaskan untuk memudahkan pengkaji mengutip data. Selain itu, kepentingan kajian yang memberi impak kepada masyarakat, pengkaji dan sosia budaya diceritakan juga dalam bab satu.

Bab dua pula, pengkaji merujuk sorotan kajian lepas untuk melihat hasil kajian pengkaji lepas mengenai Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu yang boleh digunakan sebagai bahan rujukan untuk mengumpul data dan menghasilkan kajian ini dengan lengkap. Sorotan kajian lepas amat penting kepada pengkaji kerana kajian yang dibuat tiada persamaan dari segi penulisan yang lepas sebaliknya ada penambahbaikan maklumat terkini dalam kajian pengkaji kali ini. Selain itu, dalam bab ini juga pengkaji memilih salah satu kerangka teorikal yang bersesuaian dengan tajuk kajian iaitu Teori Kemoralan Sosial. Kerangka teorikal ini dipilih adalah bertujuan untuk melahirkan kesusilaan, adab, sopan santun sesebuah masyarakat tradisi agar segala peraturan dan piawaian sesebuah komuniti dapat dikekalkan dan dipatuhi.

Selain itu, dalam bab tiga pula, pengkaji menganalisis kaedah metodologi kajian yang digunakan dalam membuat kajian ini dan pengkaji menggunakan dua kaedah tersebut iaitu kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci. Kaedah kuantitatif ini menggunakan borang soal selidik yang akan diedarkan kepada masyarakat kaum cina peranakan di Chinatown dan menemubual beberapa orang Cina Peranakan, hasil kutipan tersebut akan digunakan untuk dianalisis dalam data maklumat. Kaedah kualitatif pula, pengkaji mendapatkan maklumat dengan melayari internet dan pergi ke perpustakaan untuk mendapatkan bahan rujukan secara lebih lanjut untuk menulis kajian ini.

Bab berikutnya adalah bab 4, dalam bab ini pengkaji menganalisis segala dapatan daripada hasil soal selidik dan temu bual bersama respondan. Segala data mentah yang diperolehi dianalisis dengan jelas menggunakan kaedah deskriptif statistik untuk membentuk peratusan untuk memastikan tercapainya ketiga-tiga objektif yang ditetapkan.

Bab yang terakhir, pengkaji menghuraikan serta membincangkan berkaitan dengan harapan dan pendapat pengkaji untuk kajian yang akan datang dalam kesimpulan. Bab ini juga pengkaji merumus keseluruhan kajian dari bab 1 hingga bab 5.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

#### 2.1 Pengenalan

Kajian literatur atau sorotan kajian lepas merupakan rumusan penyelidikan yang dibuat oleh pengkaji lepas. Menurut Sulistyo Basuki (1991), kajian literatur mengandungi pernyataan, kaedah, teori dan pendapat mengenai kajian berkaitan dengan tajuk yang dipilih oleh penyelidik dan ia melibatkan proses membaca secara menyeluruh dan kaedah untuk mendapatkan maklumat-maklumat terpilih yang berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan. Menurut Rosmawati (2014), sorotan kajian menjadi panduan asas yang menjadi jalan cerita kepada pengkaji mengenai apa yang ingin dikaji. Sumber-sumber untuk memperolehi sorotan kajian lepas menurus bahan yang ada di perpustakaan dan sumber internet atau kajian literatur mengenai topik atau fokus kajian pengkaji. Tinjauan sorotan kajian lepas menggunakan bahan bertulis seperti artikel, buku, ilmiah, jurnal, tesis, dan surat khabar untuk melaksanakan penyelidikan. Sorotan kajian lepas boleh dilakukan menggunakan media elektronik, seperti laman web di internet, selain bahan bercetak. Tujuan utama sorotan kajian lepas ini dibuat bagi mengelakkan pengkaji untuk membuat penyalinan yang sama dengan kajian lepas tanpa menambahbaik maklumat yang baru.

Perkara yang dititikberatkan dalam bab ini ialah berkaitan teori, kaedah, pendapat, pernyataan, penilaian, dan laporan penyelidikan yang bersesuaian dengan tajuk pengkaji turut disertakan dalam tinjauan sorotan ini. Pengkaji telah mengumpulkan maklumat-maklumat berkaitan dengan kajian menerusi kata kunci Cina Peranakan, Festival “Mek Awang”, dan pelestarian warisan.

## 2.2 Sorotan Kajian Lepas

Berdasarkan kajian Hong Chuang Loo et. al., (2021) dalam penulisan yang bertajuk Cina Peranakan Terengganu sebagai “Mek Awang”: Menjadikan Chinatown Pewarisan Cina Peranakan di Kuala Terengganu. Persatuan Cina Peranakan Terengganu telah menolak Festival Tahunan Cina Peranakan Terengganu yang dianjurkan oleh Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Terengganu pada tahun 2017. Hal ini berlaku disebabkan oleh pertikaian mengenai pembentukan istilah “Mek Awang”. Menurut Persatuan Cina Peranakan Terengganu juga, istalah “Mek Awang” ini merupakan satu penghinaan yang digunakan oleh orang Melayu untuk menunjukkan seseorang itu dikategorikan sebagai “lembut”. Walau bagaimanapun, persatuan Cina Peranakan Terengganu menggunakan istilah “Mek Awang” ini sebagai penanda aras untuk mereka mempromosikan perayaan Cina Peranakan Terengganu untuk menonjolkan lagi keunikan dan keistimewaannya. Penggunaan istilah “Mek Awang” ini adalah bertepatan dengan minat pelancongan melalui amalan kebudayaan tempatan yang telah disesuaikan semula. Festival “Mek Awang” Cina Peranakan Terengganu ini mendapat perhatian penyelidik kerana merupakan satu proses global kontemporari yang mendalam untuk mempengaruhi etnik minorit dan identiti Cina Peranakan itu sendiri. Pengkaji membuat kajian berkaitan Festival “Mek Awang” ini adalah untuk mengkomersialkan budaya Peranakan Terengganu kerana mempercayai

Cina Peranakan di Chinatown ini boleh dipasarkan sebagai objek tidak ketara. Pada 30 Ogos 2017, dianggarkan 300,000 pelancongan domestic dan antarabangsa telah melancong Chinatown, di Kuala Terengganu semasa Festival “Mek Awang” keempat berlangsung. Festival “Mek Awang” yang keempat ini juga dikenali sebagai “Festival 4.0 Peranakan Terengganu” yang merupakan salah satu aktiviti pelancongan peringkat negeri yang terpenting. Persatuan Cina Peranakan Terengganu telah melancarkan festival ini secara rasmi pada tahun 2016 bagi menghidupkan semula identiti dan tradisi Cina Peranakan Terengganu. Istilah “Mek dan Awang” apabila diasingkan adalah lebih baik kerana merujuk kepada bahasa sehari-hari yang diberikan oleh masyarakat setempat (David,2017). Mek Awang membawa maksud yang tidak elok kerana ia memberi maksud Peranakan tempatan yang mana lelaki akan mempunyai ciri kewanitaan. Malah, istilah ini digunakan juga untuk mempromosikan perayaan tahunan Cina Peranakan untuk menonjolkan lagi keunikan masyarakat Cina Peranakan Terengganu.

Berdasarkan kajian lepas yang mengenai Cina Peranakan yang ditulis oleh Tan Yao Sua. Pengkaji menyatakan bahawa Peranakan Cina mempunyai keunikan budaya tersendiri. Akulterasi di sini bermaksud persetujuan antara kalangan Melayu yang banyak mempengaruhi budaya Cina Peranakan (Marger,2003). Menurut Banks (1999), perbezaan ciri budaya Cina Peranakan ini berikutan dengan perubahan sesuatu etnik dan budaya. Melalui proses ini, Cina Peranakan digelar sebagai “separuh Cina separuh Melayu” yang mencipta sesebuah komuniti yang hibrid berkembang dengan sendirinya. Cina Peranakan yang terdapat di Semenanjung Malaysia iaitu di Kelantan dan Terengganu. Bukan itu sahaja, pengkaji juga menyatakan bahawa Cina Peranakan kebiasaannya menetap di Kampung Banggul Kemang dan Kampung Tirok,

menjalankan pertanian iaitu menanam getah. Penanaman getah kedua-dua kampung tersebut bermula pada tahun 1919 (Gosling,1964). Bukan itu sahaja, mereka juga mempunyai kebun buah-buahan. Hal ini sedikit sebanyak dapat menambahkan lagi pendapatan sampingan mereka. Disebabkan generasi muda tidak berminat untuk mencebur dalam bidang pertanian, mereka berhijrah serta menetap dan bekerja di Kuala Terengganu dan mereka hanya pulang ke Kampung Tirok pada hari cuti kerana jaraknya dari Terengganu ke Kampung Tirok tidak mengambil masa yang lama. Jelaslah bahawa kajian ini menjelaskan, kesan daripada akulterasi ini memberi kesan yang sangat ketara kerana memperlihatkan penerimaan identiti Melayu telah diserapkan sepenuhnya dalam masyarakat Cina Peranakan. Walaupun mereka masih berpegang teguh kepada budaya masyarakat Melayu akan tetapi sesetengah budaya Cina masih dikenalkan seperti penyembahan nenek moyang dan menyambut perayaan Cina. Pengkaji juga menyatakan bahawa, faktor akulterasi ini terjadi kerana golongan Cina terdedah dengan alam Melayu sejak dari tahun 1940-an sehingga 1960-an. Pada masa itu, mereka juga mendapat Pendidikan yang sama dengan orang Melayu yang menyebabkan hubungan antara Cina Peranakan sudah sebatik dalam dirinya. Menurut informan dalam kajian ini, hubungan Cina-Melayu yang rapat ini kerana semasa perayaan Tahun Baru Cina, orang Melayu akan ziarah rumah orang Cina begitulah sebaliknya.

Menurut Chew Hock Tiong (1993), beliau menyatakan bahawa masyarakat Cina merupakan komuniti kedua di Kelantan. Populasi Cina di Kelantan mempunyai dua kumpulan iaitu Cina Bandar dan Cina Kampung yang dikenali sebagai Cina Peranakan. Kumpulan Cina yang pertama merupakan golongan Cina yang berhijrah ke Kelantan bermula pada abad ke-20 yang terdiri daripada etnik Kantonis, Hakka dan

sebagainya. Cina Bandar wujud pada pemerintahan British pada abad ke-20 ini kebiasaannya tinggal di kawasan bandar yang berketurunan cina. Cina Kampung yang wujud awal pada abad ke-15, merupakan kumpulan kedua yang tinggal di kampung dan berhijrah ke yang lahir dari etnik Hokkien yang tinggal berhampiran dengan muara sungai dan menjalani kehidupan sebagai petani. Kedua-dua kumpulan ini merupakan etnik yang sama tetapi berlainan dari segi budaya dan pegangan hidup. Kebiasaannya Cina Kampung lebih mudah mengamalkan campuran budaya terutamanya lisan mahupun perbuatan.

Menurut Rosnah Ramli (2016), Cina Peranakan mempunyai cara pertuturan yang tersendiri yang banyak mempengaruhi bahasa mereka dan sedikit percampuran dengan Bahasa Melayu. Interaksi sosial ini telah terjadi melalui kelompak peranakan yang menggabungkan dua budaya iaitu Melayu dan Cina. Hal ini telah menghasilkan asimilasi kebudayaan yang unik. Cina Peranakan telah berlakunya persamaan dari cara hidup dan sosiobudaya yang banyak mempengaruhi persekitaran mereka sehinggalah dapat membentuk budaya yang tersendiri. Masyarakat Cina Peranakan sekarang pun masih mengamalkan adat dan kepercayaan yang menjadi pegangan dalam kehidupan seharian mereka terutamanya masyarakat Melayu dan Cina. Bukan itu sahaja, unsur dan identiti masyarakat ini dapat dibezakan melalui cara berpakaian, makanan tradisional, pesta dan perayaan, kesenian dengan masyarakat etnik lain.

Menurut Manderson (1986), dari sudut pengamalan pantang larang, beliau menyatakan bahawa, pantang larang merupakan satu kepercayaan yang berbeza-beza dalam sesebuah masyarakat mengikut agama yang dianuti. Pantang larang juga merupakan salah satu kepercayaan masyarakat dahulu agar warisan dan adat nenek

moyang dapat diwarisi. Pegangan terhadap sesuatu kepercayaan ini seiring dengan pantang larang. Mereka menanggap pantang larang juga merupakan suatu kuasa pengaruh yang dapat mengjauhi manusia dari terlanggar peraturan-peraturan yang telah dikhaskan mengikut sesebuah masyarakat dan etnik. Rentetan amalan pantang, segelintir manusia dapat mengetahui akan tindak-tanduk yang dapat diamalkan dan segala perbuatan yang tidak baik. Pantang larang ini merupakan satu epercayaan yang yang boleh dirangkakan bagi yang menetapkan bila, siapa, bagaimana dan kesan yang mungkin berlaku sekiranya sesuatu pantang larang tidak ditaati.

Menurut Siti Razmah Hj Idris & Fatimah Azzahra (1996), perayaan merupakan salah satu adat yang diraikan oleh penduduk mahupun komuniti yang memberi tujuan bagi mengingati akan sesuatu peristiwa yang pernah terjadi ketika dulu. Sambutan sesebuah perayaan juga disambut mengikut adat dan agama yang dianuti serta budaya setempat. Contohnya, perayaan yang sangat penting bagi masyarakat Baba kerana mereka beragama Buddha, Konfusianme serta Taiosme ialah Tahun Baru Cina kerana mempengaruhi banyak budaya tradisi Cina. Pengadaptasian tradisi Cina melalui perayaan yang akan diraikan oleh komuniti Cina iaitu dalam kalender qamari Cina untuk kesahihan dalam menyambut tahun baru. Kalender qamari Cina terbahagi kepada kitaran 12 tahun. Kalendar ini juga, akan dinamakan bersempena dengan nama binatang iaitu tikus, lembu, harimau, Arnab, naga, ular, kuda, kambing, monyet, ayam. Hal ini menandakan bahawa titik permulaan dalam kehidupan mereka. Perayaan perlu diraikan dengan betul serta mengikut amalan dan kepercayaan kerana dipercayai akan mendapat tuah dan kemakmuran untuk tahun baru itu.

Menurut Jasiman Ahmad (2007), menyatakan bahawa masakan Cina dan Melayu juga banyak mempengaruhi masakan daripada Nyonya. Kebanyakan masakan Cina telah disesuaikan dengan selera kaum Baba yang suka akan masakan pedas dan berempah. Secara amnya, masakan yang menggabungkan rempah ratus ini merupakan makanan India yang masih mengalami persamaan dengan Cina Peranakan. Penggunaan cili yang banyak dalam masakan adalah satu identiti yang membezakan Baba dan Cina.

Menurut Hanapi Dollah dan Ajid Che Kob (2004), menghujahkan berkaitan dengan kepercayaan dan adat resam masyarakat Baba Nyonya. Komunit ini banyak mempengaruhi unsur kecinaan yang sangat menebal dalam kehidupan sehariannya mereka. Kaum Baba juga banyak mempercayai adat Cina dan secara tidak langsung mengamalkan dalam kehidupan sehariannya. Antara kepercayaan dan adat dari aspek kematian, hari perayaan Tahun Baru,Qing Ming, Perahu Naga, Hantu Lapar, Kuih Bulan masih dimalkan sehingga ke hari ini malah sambutannya adalah lebih kurang sama dengan Cina .

Menurut A.R Nordin (2011), perayaan Tahun Baru Cina dengan merujuk kepada Kalendar Cina, akan disambut pada hari dan bulan pertama. Perayaan ini akan diraikan secara meluas sebagai sebagai lambang menerima kehadiran tahun baru. Tahun Baru Cina dari sudut mitos, bermula beribu-ribu tahun dahulu di mana terdapatnya seekor makluk ganas yang bernama ‘Nian’ yang menghuru-harakan Tanah Besar China. Pada setiap 12 tahun, makhluk ganas ini muncul pada musim sejuk untuk memburu manusia. Hal ini, manusia akan hidup dalam ketakutan dan kesengsaraan kerana bunyi Nian sangat bising. Penduduk mencari jalan penyelesaian

untuk menghalau makhluk tersebut dengan melemparkan reben merah ke udara serta meletupkan mercun dan membakar bunga api siang dan malam. Kepercayaan ini telah mencipta perayaan Tahun Baru Cina.

Menurut Salihah Ismail (2018), dari aspek perayaan, pantang larang yang dikemukakan dalam kajian ini ialah sebelum hari perayaan, kaum cina tidak boleh membuka pintu pada malam hari sebelum masuknya perayaan mereka. Bukan itu sahaja, semasa hari perayaan selama 15 hari, mereka tidak dibenarkan untuk menyapuh lantai pada hari pertama serta hari kedua perayaan. Semasa perayaan pertama juga, jika adanya perkakas rumah yang pecah, mereka tidak boleh menyapuh sebaliknya mengutip serpihan tersebut dan menyimpannya dahulu sebelum dibuang pada hari yang dibenarkan. Mereka juga sembunyikan penyapu walaupun lantai kotor malah akan disapu pada hari ketiga kerana apabila menyapu kotoran, akan dianggap menolak rezeki. Ketika hari perayaan, mereka tidak dibenarkan untuk bercakap tentang perkara buruk mereka tidak memarahi kanak-kanak membuat bising kerana pada pandangan mereka hari perayaan merupakan hari yang baik dan perlu dihormati. Seterusnya, aspek tingkah laku pantang larang yang terdapat dalam dalam kajian ini, tidak boleh menjemur pakaian kerana Tuhan langit akan marah merupakan pegangan Baba Nyonya. Bukan itu sahaja, mereka tidak boleh melawat orang meninggal dua minggu sebelumnya jika hendak sembahyang. Mengikut pegangan mereka, jika ada keluarga yang meninggal, mereka tidak boleh sembahyang selama 3 tahun kerana apabila ingin sembahyang mereka mestilah lahir dari hati yang tenang.

Menurut Vivien (2018), dari aspek pemakaian, Orang tua yang kuat berpegang teguh dengan pantang bangsa mereka akan marah memilih pakaian berwarna hitam kerana warna gelap membawa aura tidakbaik. Malah pilihlah baju yang berwarna cerah terutamanya pada hari raya pertama kerana akan membawa simbolik yang meriah, kesejahteraan serta kemewahan. Melalui aspek makanan tradisi ketika perayaan Tahun Baru Cina ialah kuih bakul merupakan menu utama dan jika terdapat orang meninggal dan berkabung dirumah dilarang sama sekali untuk membuatnya kerana dikhuatiri kuih bakul tidak menjadi pernyataan ini disokong juga oleh salah seorang kaum Cina yang bernama Cedric, beliau juga berkata bahawa kuih bakul ini mestilah bersih kerana digunakan dalam upacara sembahyang.

Menurut Chew Hock Tiong (1993), beliau menyatakan bahawa masyarakat Cina merupakan populasi kedua paling ramai di Kelantan. Masyarakat Cina di Kelantan mempunyai dua kumpulan iaitu Cina Bandar dan Cina Kampung yang dikenali sebagai Cina Peranakan. Kumpulan Cina yang pertama merupakan golongan Cina yang berhijrah ke Kelantan bermula pada abad ke-20 yang terdiri daripada etnik Kantonis, Hakka dan sebagainya. Cina Bandar wujud pada pemerintahan British pada abad ke-20 ini kebiasaannya tinggal di kawasan bandar yang berketurunan cina. Cina Kampung yang wujud awal pada abad ke-15, merupakan kumpulan kedua yang tinggal di kampung dan berhijrah ke yang lahir dari etnik Hokkien yang tinggal berhampiran dengan muara sungai dan menjalani kehidupan sebagai petani. Kedua-dua kumpulan ini merupakan etnik yang sama tetapi berlainan dari segi budaya dan pegangan hidup. Kebiasaannya Cina Kampung lebih mudah mengamalkan campuran budaya terutamanya lisan

mahupun perbuatan.

Selain itu, pengkaji juga menghuraikan bahawa Cina Peranakan ini mempunyai daya kreatif yang mempunyai persamaan dengan kaum Melayu terutamnya dalam menyediakan kuih muih seperti tapai, ketupat, pulut kuning dan lepok (dodol durian). Bukan itu sahaja, orang cina juga mahir dalam membuat kuih tradisional bagi kaum Cina iaitu kuih bakul, tau pau dan ang ku. Kebiasaan kuih bakul dan tau pau dibuat semasa menjelang Tahun Baru Cina manakala ang ku dibuat semasa upacara keagamaan. Cina Peranakan di Kelantan percaya bahawa ialah mereka tidak boleh menjamah ang ku kerana kuihnya mempunyai bentuk kura-kura merupakan salah satu pantang larang mereka. Dalam pantang larang tersebut dijelaskan bahawa kura-kura tidak boleh dimakan oleh mereka atas sebab tertentu.

Menurut Ann Wan Seng (1994), membincangkan bahawa warna-warna lain seperti hijau dan kuning dikategorikan berdasarkan kepekatan dan kejernihan warna yang mana bermula dari putih kepada hitam. Masyarakat Cina peranakan menganggap warna hitam menandakan nasib yang tidak baik kerana warna memainkan peranan yang penting dalam masyarakat Cina Peranakan untuk mengekalkan identiti yang diperturunkan nenek moyang untuk kehidupan seharian. Bukan itu sahaja, beliau menjelaskan bahawa pakaian Menora mestilah mempunyai 3 warna iaitu merah, hijau dan kuning yang memberi makna dalam masyarakat Cina Peranakan. Warna merah juga dipilih dalam tarian Menora kerana untuk melambangkan keberanian sebelum memulakan persesembahan.

Menurut Ann Wan Seng (1994), penyerapan elemen Cina melalui kepercayaan masyarakat Cina, terdapat unsur binatang seperti naga yang memberi bayangan terhadap suasana Tahun Baru Cina yang mana disebutkan sebagai tahun yang paling bertuah. Naga dipilih kerana mempunyai sifat yang sama dengan buaya. Kedua-dua binatang ini melambangkan sifat yang tersendiri contohnya buaya akan perubahan terutamnya dalam tekanan udara serta dapat mengesani hujan yang turun manakala naga mempunyai persamaan yang ketara di mana ia mampu mengawal hujan. Kepercayaan ini merupakan salah satu tradisi yang terdapat dalam Menora yang memperlihatkan masyarakat Cina Peranakan mempercayaibuaya.

Menurut Banks (1999), akulterasi Peranakan Cina di Terok, Terengganu melibatkan terdapatnya persilangan ciri budaya mengikut sesebuah masyarakat etnik Peranakan Cina rentetan interaksinya dengan kumpulan etnik atau budaya yang lain. Akibat daripada akulterasi ini, peranakan Cina di Malaysia dianggap orang Cina yang dikenali sebagai ‘separuh Cina separuh Melayu’. Mereka telah mewujudkan satu komuniti hybrid yang maju dengan sendiri,

Terengganu merupakan negeri yang didiami oleh masyarakat Melayu manakala terdapat juga Cina yang dikenali sebagai golongan minoriti. Daripada jumlah keseluruhan penduduk negeri itu hanya 2.43% Cina yang menetap Terengganu (Unit Perancangan Ekonomi Negeri Terengganu 2008). Majoriti orang Cina di Terengganu tinggal di dua buah perkampungan yang berada berdekatan iaitu Kampung Banggul Kemang dan Kampung Tirok. Kedua-dua perkampungan


ini, kira-kira 17 kilometer dari bandar Terengganu. Kedua-dua perkampungan ini terlatak di tepi Jalan Serada di mana dikeliling beberapa buah perkampungan Melayu, iaitu Pengadanng Baru, Kampung Beladan, Kampung Banggul Chemedak, Kampung Baru Serada, Kampung Banggul Tok Ku dan Kampung Banggul Mempelam (Tan 2002).

Menurut Gosling (1964), penempatan Cina Peranakan Terengganu menggunakan dua jalan migrasi. Kedua-dua jalan ini merupakan dari dua buah bandar persinggahan ke kawasan terpencil yang menyebabkan kewujudan penempatan Tirok pada abad ke-19. Kedua-dua bandar persinggahan itu merupakan Kuala Terengganu yang mana terletak di pinggir Sungai Terengganu dan Marang. Kedua-dua bandar Pelabuhan ini kira-kira 18-kilometer antara Marang. Migran Cina tiba di kedua-dua bandar Pelabuhan ini dari wilayah Fujian, yang terletak di Selatan China abad ke-18. Mereka kemudiannya berpindah ke kawasan pedalaman untuk menceburi aktiviti pertanian. Bukan itu sahaja, mereka juga banyak meninggalkan petempatan di tebing Sungai Terengganu dan Sungai Marang kerana tempat tersebut tidak sesuai untuk pertanian, terutamanya penanaman lada hitam sebelum membuka penempatan di Tirok.

Menurut Wong Yao (2003), di Kuala Terengganu terdapatnya migrin awal yang sebenarnya berasal dari Pulau Babi, Tirok, dan Cepoh yang dikenali juga sebagai penempatan awal di Terengganu. Ada sesetengah pendapat menyatakan bahawa migran Cina datang ke Terengganu dan bermula menetap di Pulau Babi. Apabila Kuala Terengganu sudah sarat dengan orang Melayu secara tidak langsung tanah untuk bercucuk tanam adalah terbatas.

### 2.3 Kerangka Model

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih untuk menggunakan model kerangka *Ladder of participation*. Kerangka *Ladder of participation* yang diasaskan oleh Arnstein (1969) yang mana model ini merupakan model yang boleh dirujuk dan mempunyai pengaruh dalam bidang penyertaan dan penglibatan awam yang demokratik. Kerangka ini juga telah dipaparkan dalam Jurnal Persatuan Perancangan Amerika yang mana mempunyai lapan peringkat penyertaan dimana penglibatan paling bawah iaitu tahap yang pasif (*non-participatory*), penglibatan tahap pertengahan (*Tokenisme*) manakala tahap penglibatan yang paling aktif dan paling atas (*degree of citizen power*). Hal ini dikatakan demikian, penglibatan komuniti setempat boleh berubah daripada pasif ke aktif apabila mencapai tahap teratas. Bagi mencapai matlamat yang ditetapkan bagi mengawal masyarakatnya (*citizen control*) dapat disokong melalui rajah di bawah:



Rajah 2.3: Kerangka tangga penyertaan masyarakat (*Ladder of participation*) oleh Arnstein (1969).

Kerangka tangga penyertaan masyarakat (*Ladder of participation*) digunakan untuk menganalisis kajian Kaum Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu: Kajian ke atas penglibatan komuniti Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang”. Tipologi kerangka ini dimana penyertaan rakyat dari pasif ke aktif mewakili anak tangga terutamanya dari peningkatan agensi, kawalan dan kuasa.

**Tiga tema kerangka tangga penyertaan masyarakat (*Ladder of participation*) ialah:**

### **1. Penglibatan tahap *non-participatory***

Menurut Arnstein (1969), Penglibatan tahap *non-participatory* merupakan tahap paling bawah ataupun tahap tidak aktif. Kebiasaannya, penglibatan tahap ini komuniti Cina Peranakan yang berumur dan menetap di Chinaown sahaja yang terlibat secara penyertaan sahaja untuk mengekalkan keunikan dan kelestraihan festival “Mek Awang” yang mana merupakan salah satu festival tahunan bagi Cina Peranakan di Chinatown. Penglibatan sukarela di tahap ini mempunyai dua elemen iaitu manipulasi (manipulation) dan terapi (therapy) dalam kerangka Tangga Penyertaan Masyarakat (*Ladder of Participation*) yang dikemukakan oleh Arnstein (1969). Jadi, Cina Peranakan di Chinatown ini terlibat secara sukarela yang mana dapat mengekalkan sejarah Cina Peranakan malah dapat meningkatkan semangat kekitaan. Peringkat ini juga, Cina Peranakan Terengganu mengunjungi dan menyokong segala aktiviti yang dijalankan sepanjang festival “Mek Awang” berlangsung seperti gerai jualan makanan peranakan, persembahan tarian singa, perarakan maskit bersama Mek dan Awang dan sebagainya.

## 2. Penglibatan tahap *tokenisme*


Penglibatan ini merupakan tahan pertengahan yang mana bagi mereka yang terlibat secara langsung. Tahap penglibatan ini adalah tokenisme kerana mereka boleh memberi dan menyampaikan maklumat (informing) dan juga terlibat dalam khidmat rundingan (consultation) serta pendamaian (placation). Melalui kajian ini, Timbalan Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Terengganu bekerjasama juga dengan Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu (JPNT) untuk memeriahkan lagi festival “Mek Awang”. Bukan itu sahaja, menerusi hasil Kerjasama ini juga, festival “Mek Awang telah dimasukkan di dalam calendar pelancongan negeri sebagai peringatan festival tahunan bagi Cina Peranakan. Justeru, kerjasama ini juga dapat membantu komuniti setempat dalam melestarikan kebudayaan Cina Peranakan Terengganu untuk mengekalkan warisan mereka. Bukan itu sahaja, Pameran Nostalgia Kampung Cina telah diadakan di Muzium Negeri. Hal ini sedikit sebanyak dapat terwujudnya pembangunan sosial dan ekonomi yang mana membuktikan Chinatown ini merupakan sebuah menempatan masyarakat Cina tertua. Kerjasama dengan agensi-agensi bertanggungjawab secara tidak langsung dapat merekodkan dan mendokumentasikan warisan Cina Peranakan Terengganu untuk tatapan pada masa akan datang.

### 3. Penglibatan tahap *degree of citizen power*

Komuniti yang terlibat pada peringkat ini merupakan penyertaan yang aktif dan berada pada tahap teratas dalam kerangka tangga penyertaan masyarakat (*Ladder of participation*) yang telah dicadangkan oleh Arnstein (1969). Penglibatan komuniti setempat mempunyai penyertaan aktif dalam peringkat Kerjasama (partnership), kuasa yang diagihkan (delegated power) dan pengendalian masyarakat (citizen control). Dalam kajian ini, penyertaan komuniti setempat pada tahap tertinggi adalah disebabkan kerana mereka mempunyai institusi pentadbiran kampung yang teratur. Hal ini dikatakan demikian kerana, Cina Peranakan Terengganu mempunyai pemimpin kampung dan pemimpin komuniti yang mengambil berat dalam mengekalkan warisan Cina Peranakan. Bukan itu sahaja, komuniti Cina Peranakan mempunyai Persatuan Peranakan Cina Terengganu yang merupakan antara 13 pertubuhan peranakan di seluruh Asia Tenggara yang aktif dan berkumpulan setiap tahun bagi mengeratkan lagi silaturahim antara golongan peranakan di rantau ini. Rentetan daripada pertubuhan persatuan ini, berlakunya agihan kuasa dari pemimpin komuniti kepada penduduk kampung dalam menjayakan sesuatu program yang dianjurkan terutamanya dalam festival “Mek Awang”. Bagi memastikan sesuatu program berjalan dengan lancar, persatuan ini menyediakan organisasi dan jawatankuasa diwujudkan.

## Kaum Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu: Kajian ke atas penglibatan komuniti Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang”.

Kerangka tangga penyertaan masyarakat (Ladder of participation) oleh Arnstein (1969)



Rajah 2.4: Kerangka Model

## 2.4 Kesimpulan

Tuntasnya, sorotan kajian lepas banyak membincangkan perihal Cina Peranakan akan tetapi pengkaji lepas tidak menyentuh mengenai Penglibatan komuniti Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu. Hal ini, dapat membuka mata pengkaji untuk membuat kajian kali ini dengan memberi penekanan lebih terhadap penglibatan Komuniti Cina Peranakan di Terengganu dalam festival “Mek Awang”. Oleh itu, wajarlah sekiranya pengkaji membuat penambahbaikan rujukan untuk kegunaan pengkaji lain pada masa hadapan agar kajian yang dibuat ini tidak sama dengan kajian-kajian yang lepas. Bukan itu sahaja, pengkaji juga menggunakan satu kerangka teoritikal dengan menggunakan Teori Kemoralan Sosial yang menggambarkan keseluruhan kajian ini dapat membantu menyumbangkan maklumat dan data kepada pengkaji. Hal ini sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji untuk menganalisis data dengan betul agar kajian ini siap dengan sempurna.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Bagi usaha menjalankan kajian, bab tiga ini menghuraikan mengenai metodologi yang diaplikasikan untuk memenuhi objektif kajian yang ditetapkan dan mengetahui cara yang berkesan untuk mengatasi permasalahan kajian. Menurut Ahmad Mazhab Ayob (1985), metodologi kajian menunjukkan salah satu cara untuk mengutip maklumat dan data terkini mengenai penelitian yang dilaksanakan. Metodologi kajian berfungsi dalam membantu pengkaji mendapatkan pemahaman yang lebih luas tentang penerapan kaedah yang digunakan dengan menggambarkan proses penelitian yang digunakan serta membantu pengkaji mendapatkan maklumat. Metodologi juga salah satu kaedah yang teratur untuk menyatukan pendekatan kajian melalui analisis data agar mencapai objektif kajian.

Bab ini membincangkan mengenai prosedur yang digunakan semasa membuat kajian Penglibatan komuniti Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang”. Metodologi kajian merupakan elemen yang penting semasa membuat kajian untuk mendapatkan kesahihan maklumat mahupun data yang dikumpul. Dalam bab ini juga, pengkaji juga menjelaskan reka bentuk kajian, cara memperolehi data, persampelan kajian, instrument kajian dan kaedah analisis maklumat. Prinsip kajian juga akan dihuraikan dalam bab ini dan dirangka melalui kerangka model.

### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Metodologi kajian ini menggabungkan pendekatan yang diaplikasikan untuk mencapai objektif serta tujuan kajian dijalankan agar sistematik. Menurut Bryman (2008), reka bentuk adalah cara yang diaplikasikan oleh pengkaji bagi menganalisis data yang diperoleh di dalam kajian. Di topik ini dijelaskan juga, yang mana menunjukkan satu kaedah penyelidikan dalam membuat sesebuah kajian dan dianggap satu teknik dan langkah yang mesti digunakan dalam menghasilkan dapatan kajian. Menurut McMillan & Schumacher (1984), reka bentuk kajian menunjukkan cara penyelidik menggunakan prosedur dan cara yang diaplikasikan untuk mengendalikan sesuatu kajian untuk menjawab persoalan dan objektif kajian yang digariskan sendiri oleh pengkaji. Bukan itu sahaja, reka bentuk kajian ini juga bertujuan demi menjaga dapatan songsang yang boleh menjelaskan dapatan kajian.

Reka bentuk kajian juga berperanan penting untuk mentafsirkan sesuatu kajian penyelidikan yang boleh dijadikan sebagai kayu ukur dalam menganalisis maklumat serta data yang dibuat oleh penyelidik dalam membuat penyelidikan. Melalui kajian ini, penyelidik telah menggunakan dua sahaja kaedah kuantitatif dan kaedah kuantitatif untuk mengambil jawapan perolehan yang ingin dicapai dalam objektif kajian ini. Berikut adalah pendekatan kaedah kajian yang diaplikasikan dalam melakukan sesebuah kajian ini:

### 3.2.1 Kaedah Kuantitatif

Fraenkel (2007), pendekatan kaedah kuantitatif ialah kajian yang memfokuskan objektif kajian dan dijaga melalui pengutipan dan analisis data. Menurutnya lagi, pengaplikasian ujian statistik ialah salah satu kaedah untuk menerangkan, menjelaskan atau mencari perhubungan antara pembolehubah-pembolehubah di dalam kajian. Kaedah kuantitatif ini menunjukkan sesuatu yang boleh diukur, dikira dan jumlah diskriptif yang boleh disenaraikan dengan tepat dan padat. Kaedah kuantitatif ini juga berkait rapat dengan analisis data numerik dengan kaedah yang betul mengikut sesebuah kajian. Hasil bilangan numerik yang diperolehi untuk menyemak isu kajian yang telah ditetapkan melalui bentuk hipotesis. Menurut Husnita Sari (2015), kuantitatif juga boleh digambarkan sebagai observasi atau penelitian spesifik yang mengandungi aspek konsep yang jelas dan sistematik. Bukan itu sahaja, data yang terkumpul dan pengendalian angka merupakan penggunaan data yang mempunyai graf, carta dan sebagainya.

Dalam menjalankan kajian ini, soal selidik merupakan kaedah kuantitatif yang digunakan oleh pengkaji. Pengkaji menyediakan borang soal selidik di Chinatown, Terengganu kepada beberapa orang responden untuk memberi respon dengan memberikan jawapan terhadap soalan yang disediakan.

### 3.2.2 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif ialah satu cara yang boleh diaplikasikan dalam kajian penyelidik yang bergantung sepenuhnya kepada pandangan peserta serta menanyakan soalan yang umum dan luas. Teknik ini dapat mengumpul data dalam bentuk teks malah perkataan daripada responden mahupun masyarakat setempat yang terlibat dalam kajian. Menurut Bryman (2008), reka bentuk adalah cara yang digunakan oleh pengkaji untuk menganalisis data yang diperoleh melalui sebuah kajiannya.

Melalui kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu membuat temu bual 5 orang responden bagi mengutip data. Responden temu bual akan ditanyakan dengan beberapa soalan mengenai kedatangan Cina Peranakan di Terengganu, penglibatan komuniti Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang”. Responden yang ditemu bual terdiri daripada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), Pemimpin komuniti di Chinatown, ahli Jawatankuasa Persatuan Cina Peranakan Terengganu, penduduk kampung berbangsa Melayu dan penduduk kampung Cina Peranakan. Pengkaji memilih responden ini untuk mengutip data yang kukuh mengenai Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual secara berstruktur.

### 3.3 Pengumpulan Data

Proses mengumpul data dan maklumat atau pembolehubah dengan cara yang betul untuk memenuhi piawaian yang telah ditetapkan bagi membolehkan pengumpulan bertindak balas untuk menguji hipotesis dan menilai koleksi tertentu yang boleh dirujuk sebagai proses pengumpulan data. Pengumpulan data ini merupakan elemen penting yang mesti kerap dilakukan bagi mana-mana projek penyelidikan yang dijalankan dalam mana-mana bidang sama ada fizikal,sosial, perniagaan dan kemanusiaan. Menurut Techopedia (2022), beliau memberi peringatan agar elakkan daripada menggunakan atau mengumpul data yang kurang tepat dan pernyataan yang tidak jelas yang mana sedikit sebanyak dapat mengelirukan penyelidik.

#### 3.3.1 Sumber Data primer

Menurut Rohana Yusof (2004), data primer ialah maklumat yang asal dari rujukan asal dan sumber rujukan yang pertama. Umi Narimawati (2008) melalui bukunya “Metodologi Penilitian Kualitatif dan Kuantitatif: Teori dan Aplikasi” menyatakan, data primer ialah data yang diperolehi dari sumber asli atau pertama melalui sumber atau responden sebagai cara memperolehi maklumat dan data. Bagi mengetahui penglibatan komuniti Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang”, cara pengumpulan data digunakan melalui dapatan data primer iaitu kajian soal selidik.

### a) Soal Selidik

Jones dan Clarke (1994), beranggapan akan kaedah soal selidik sangat tepat digunakan bagi mendapat data mengenai dengan sebuah kajian yang dilaksanakan. Kaedah kedua yang pengkaji pilih melalui data primer ialah pengkaji menyediakan borang soal selidik. Satu set borang soal selidik yang bertulis diedar pada beberapa responden bagi mengumpulkan data dan maklumat yang diperolehi untuk menjawap persoalan dan objektif kajian. Seseorang yang ingin menghasilkan borang soal selidik hendaklah berpandangan jauh agar soalan-soalan yang dihasilkan menjadi relevan dan wajar. Tidak mempengaruhi emosi dan boleh dipercayai. Mempunyai beberapa asbab kenapa borang soal selidik dijadikan pilihan kebanyakkan penyelidik. Hal ini kerana kos menghasilkan borang soal selidik tidak menelan kos yang lebih tinggi dan secara tidak langsung dapat menjimatkan masa. Pengkaji mudah mendapatkan maklumat dari jumlah responden yang ramai dan cepat (Gillham, 2000).

Pendekatan kuantitatif ini menggunakan cara mengumpul pendapat dan maklum balas daripada responden bagi mencapai objektif kajian. Penduduk di Chinatown, Terengganu diberi borang soal selidik ini yang merangkumi beberapa soalan. Tujuan borang ini adalah untuk mengumpul pendapat dan tambahan maklumat melalui penduduk di Chinatown, Terengganu mengenai penglibatan Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang”. Kiraan sample responden berdasarkan populasi Cina Peranakan di

Chinatown, Terengganu menerusi pendekatan rawak mudah.

Responden dikehendaki menjawab semua soalan yang mengandungi beberapa bahagian untuk pengkaji mengumpul data yang betul. Soalan soal selidik di bahagian A, merangkumi demografi responden, termasuk umur, jantina, pekerjaan, dan bangsa, dan tahap Pendidikan. Manakala di bahagian B, soalan mengenai pengetahuan tentang sejarah Cina Peranakan Terengganu. Seterusnya, bahagian C pula soalan mengenai penglibatan komuniti Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang” dan D pula ialah soalan-soalan yang berkaitan dengan keberkesanan festival “Mek Awang” dalam usaha melestarikan warisan. Soalan di bahagian B, C, dan D merupakan soalan yang dirujuk kepada objektif kajian. Jadual pembahagian soalan soal selidik ini dapat dirujuk seperti jadual 3.1 di bawah.

<b>Bahagian A</b>	<b>Bahagian B</b>	<b>Bahagian C</b>	<b>Bahagian D</b>
Soalan demografi responden -Jantina -Umur -Pekerjaan -Bangsa -Tahap Pendidikan	Soalan mengenai pengetahuan tentang sejarah Cina Peranakan di Terengganu	Soalan mengenai penglibatan komuniti Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang”	Soalan merangkumi keberkesanan festival “Mek Awang” dalam usaha melestarikan warisan masyarakat Cina Peranakan di Chinatown, Kuala Terengganu.

Jadual 3.1 Jadual Pembahagian Soalan Soal Selidik

### 3.3.2 Sumber Data Sekunder

Menurut Sugiono (2008), definisi data sekunder adalah maklumat tambahan melalui ses sebuah kajian yang boleh dijadikan sebagai sesuatu bahan rujukan. Data sekunder didapati melalui banyak sumber sama ada yang telah ada penulis bagi mengumpulkan data sempadan dari bahan yang diselidik. Data sekunder menawarkan untuk memperolehi data kajian dari rujukan yang sedia ada (Uma Sekaran,2011).

Data yang dikumpul dari sumber sekunder terdiri dari akhbar, artikel, buku, keratan akhbar, tesis, artikel jurnal, catatan dan majalah yang dianggap sebagai sumber utama. Lazimnya, data sekunder meningkatkan lagi pendapat maklumat yang tidak mampu dijawab oleh responden dalam kajian. Rentetan itu, adalah jelas bahawa data sekunder diperolehi daripada kajian lapangan dan kepustakaan.

#### a) Kajian Kepustakaan

Menurut Siti Sarah (2015), kajian kepustakaan merupakan elemen terpenting untuk pengkaji memperolehi maklumat mengenai kajiannya. Bukan itu sahaja, kajian kepustakaan menyokong pengkaji untuk mengesan maklumat atau idea mengenai elemen yang ingin dikaji sekaligus meningkatkan kefahaman mengenai tajuk kajian. Bagi memperolehi maklumat mengenai dengan kajian, kaedah kepustakaan digunakan untuk membuat rujukan ilmiah terutamanya buku-buku ilmiah, tesis, artikel, akhbar yang berkait rapat dengan objektif kajian yang dilaksankan agar data yang didapati adalah sahih. Kaedah kepustakaan ini dapat didefinisikan


sebagai cara yang utama dalam memperolehi maklumat-maklumat umum menggunakan kata kunci mengikut sesuatu kajian. Untuk memperolehi seberapa banyak maklumat-maklumat yang selaras dengan kajian ini, pengkaji telah membuat rujukan ke perpustakaan di Universiti Malaysia Kelantan.

Bukan itu sahaja, pengkaji merujuk beberapa sumber laman sesawang bagi memperolehi data dan maklumat yang selaras dengan kajian yang dilaksanakan. Menurut Zulaikha, (2001) wadah atau laman sesawang yang boleh dilayari bagi memperolehi data mengenai kajian ini adalah seperti artikel jurnal, Wikipedia dan sebagainya. Melalui sumber internet, dapat dirujuk oleh penyelidik untuk menyokong pengkaji agar mendapatkan maklumat yang banyak dan terkini mengikut skop kajian. Hal ini membuktikan segala data mudah didapati melalui internet tanpa had dan merentasi masa. Pengaksesan menggunakan laman sesawang ini membolehkan pengkaji untuk memperoleh maklumat mengenai Penglibatan Cina Peranakan dalam Festival “Mek Awang” di Chinatown, Terengganu.

### 3.4 Proses Kajian

Mc.Milan dan Schumacher (1977), menyatakan bahawa pengkaji merupakan satu kaedah teratur untuk mengumpul serta menganalisis data atau maklumat bagi tujuan-tujuan sesebuah kajian. Untuk menunjukkan bayangan yang senang semasa menjalankan kajian, tafsiran tentang kaedah kajian yang dilakukan dalam penyelidikan ini dikuatkan lagi dengan rajah proses untuk menghasilkan kajian.

Rajah 3.1 : Proses menghasilkan kajian



### 3.5 Persampelan Kajian

Menurut Sulaiman Masri (2002), persampelan ialah sesuatu tindakan untuk pengkaji bagi mendapatkan data melalui sampel kajian yang mana menggambarkan kitaran tersebut. Semua data yang diterima menunjukkan satu kaedah data primer yang sahih dan tidak boleh diabaikan. Mohd. Majid Konting (1998), persampelan mestilah dibuat pilihan sekurang-kurangnya terdapatnya kriteria yang sama dan menggambarkan kaedah penentuan dan bertujuan mengikut elemen-elemen dalam populasi. Kiraan persampelan ini berdasarkan populasi Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu menerusi pendekatan rawak mudah supaya pengkaji dapat menjimatkan masa malah pengkaji juga mendapat ketepatan yang maksimum dalam jangkaan penyelidikan.

Melalui kajian ini, pengkaji telah memilih salah satu kaedah persampelan iaitu persampelan rawak mudah yang digunakan untuk mengutip data soal selidik dan temu bual. Menurut Merrigan dan Huston (2004), mempunyai beberapa kaedah yang mesti dibuat:

1. Pengkaji mesti mengenalpasti pilihan sampel kajian
2. Pengkaji mesti mempersiapkan turutan lengkap respondan yang boleh dijadikan sebagai populasi kajian untuk pengundian
3. Pengkaji perlu buat pilihan sampel mengikut kesempatan dan kebarangkalian setiap ahli akan dipilih

### 3.6 Instrumen Kajian

Menurut Suharsimi Arikunto (2010), menjelaskan instrument kajian adalah kaedah pengumpulan data sebagai alat bantuan yang dipilih dan digunakan oleh penyelidik dalam kegiatan pengumpulan data agar lebih sistematik. Instrumen kajian merupakan satu alat yang digunakan oleh penyelidik ketika menjalankan sesuatu penyelidikan. Instrumen kajian digunakan sebagai asas bagi memperoleh data seperti mana yang dikendaki oleh penyelidik untuk mencapai objektif kajian. Kaedah yang digunakan oleh pengkaji ialah soal selidik dan temubual yang diedarkan di Chinatown, Terengganu. Kiraan sample responden yang akan dipilih secara rawak yang terlibat dalam soal selidik kajian ini manakala 5 orang untuk responden temu bual. Oleh itu, instrument kajian digunakan sebagai asas untuk memperoleh data seperti mana yang dikehendaki bagi mencapai objektif kajian.

#### 3.6.1 Buku Catatan

Buku catatan membantu pengakji untuk menghuraikan setiap perkara yang berlaku sepanjang kajian dilakukan (Santosa,2016). Buku catatan juga digunakan untuk merekod pemikiran dan tindak balas terhadap apa yang didengari daripada temu bual (M. Hennik et al.,2011). Buku catatan juga mudah untuk dibawa bersama semasa menjalankan kajian lapangan. Buku catatan penting bagi memudahkan pengkaji menyusun data-data yang diperolehi daripada sesi temu bual agar data yang diperolehi tidak berlaku kecinciran maklumat. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan buku catatan untuk mencatat data yang

diperolehi hasil daripada temu bual.

### **3.6.2 Borang Soal Selidik**

Borang soal selidik dilaksanakan untuk memperolehi data bagi objektif-objektif kajian. Soalan bagi soal selidik adalah bentuk tertutup. Borang soal selidik ini mempunyai 4 bahagian iaitu A, B, C, dan D. Keempat-empat bahagian ini perlu menentukan jawapan yang diberikan sahaja iaitu ya, tidak, dan tidak pasti. Borang soal selidik ini diedarkan kepada responden yang terlibat iaitu komuniti Cina Peranakan Chinatown, Terengganu.

### **3.6.3 Perakam Suara**

Merupakan satu alat komunikasi yang diaplikasikan untuk merekod dan menyimpan suara hasil daripada temu bual. Peralatan tersebut penting untuk membuktikan sumber dapatan yang asli daripada temubual. Rakaman suara perlu dilakukan dengan jelas bagi mengelakkan sebarang masalah kekeliruan yang berlaku semasa penulisan laporan penyelidikan.

### **3.6.4 Kamera**

Merupakan salah satu alat optikal mahupun peranti yang boleh merekod dan mengumpul gambar untuk dipindahkan kepada suatu lokasi yang berlainan (Sulaiman, 2014). Kamera digunakan bagi mengambil gambar

ketika proses temubual dan soal selidik. Gambar yang dihasilkan digunakan sebagai rujukan ketika menulis laporan terutamanya mengenai Cina Peranakan Chinatown, Terengganu. Kamera juga dapat dijadikan sebagai bukti dalam melaksanakan penyelidikan yang dilakukan.

### **3.7 Kaedah Analisis Data**

Menurut Arghana (dalam Lexy J. Moleong,2002) menyatakan bahawa analisis data adalah satu kaedah menyusun kategori data, mengintegrasikannya dalam suatu model,kategori dan unit keterangan dasar. Taylor (1975), menyatakan maksud analisis data merupakan kaedah yang mendalam bagi membuat sebuah hipotesis. Penganalisan data mentah menggunakan penelitian yang meluas agar memastikan hasil dapatan daoat dibuktikan dengan kebenarannya. Jelaslah bahawa, melalui kajian ini terdapat dua kaedah diaplikasikan untuk menganalisis data iaitu kaedah kuantitatif dan kualitatif. Kaedah ini sama menyempurnakan dan menguatkan lagi kajian.

Kaedah analisis data merupakan proses menganalisis merumuskan, menghuraikan dan menjelaskan maklumat ke dalam kandungan kajian. Bagi melengkapi kajian, maklumat-maklumat yang diperolehi akan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Di samping itu, membuat huraian terhadap maklumat komunikasi sama ada yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan merupakan bentuk analisis kandungan yang dilaksanakan (Sabitha Marican, 2005). Oleh itu, data yang diperolehi dalam kajian ini akan dianalisis dan dikembangkan berdasarkan maklumat yang didapati daripada buku-buku, jurnal, kajian-kajian lepas,

kertas kerja dan sebagainya. Kepelbagaiannya sumber maklumat ini digunakan untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat berkaitan tajuk kajian. Selain itu, pengkaji turut menggunakan kaedah analisis tematik hasil temubual yang telah dipindahkan dalam bentuk transkrip.

### **3.7.1 Analisis Tematik**

Analisis tematik adalah antara prosedur penyelidikan yang diaplikasikan dengan meluas di sesbuah penyelidikan kualitatif akan tetapi kurang diaplikasikan dalam dunia penyelidikan (Boyatzis,1998; Roulstan,2010). Hal ini demikian kerana, prosedur ini amat berjaya untuk menganalisis tema dalam sumber rujukan untuk meningkatkan lagi bidang penyelidikan.

Menurut Braun & Clarke (2006) 6 proses yang ditetapkan bagi memperolehi maklumat tematik dalam kajian seperti:

- i. Kumpul serta dan sorot maklumat kajian.
- ii. Hasilkan klasifikasi kod awal.
- iii. Klasifikasi tema-tema.
- iv. Menyimpul sorotan tema.
- v. Mengembangkan kategori tema.
- vi. Membuat laporan.

Dalam kajian ini, penyelidik hanya memfokuskan kajian terhadap penglibatan komuniti Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang”. Hal ini demikian kerana memudahkan penyelidik mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci bagi mengutip data temu bual. Bukan itu sahaja, rakaman suara dan perbualan bersama responden akan dipindahkan ke dalam Microsoft Word dalam bentuk skrip.

### **3.7.2 Analisis kandungan teks**

Analisis kandungan teks adalah merupakan satu metodologi kajian yang digunakan untuk membuat penyelidikan. Menurut Krippendorf (2004), beliau menyatakan bahawa pendekatan ini mula maju sejak awal 50-an sebelum aliran sastera, sains sosial. Kaedah analisis kandungan adalah untuk menganalisis dapatan kajian melalui data sekunder untuk memastikan segala maklumat yang diperolehi dan diperlukan dapat mencapai objektif kajian yang ditetapkan oleh pengkaji. Analisis kandungan teks memerlukan perhatian yang teliti agar pengkaji memperolehi data yang sahih dan berketepatan dengan kajian. Analisis kajian ini diperolehi dari jurnal, tesis, buku rujukan, majalah, akhbar dan bahan ilmiah yang lain.

White & Marsh (2006), menyatakan maksud berkaitan dengan analisis kandungan teks iaitu merupakan kaedah penyelidikan yang digunakan untuk menghasilkan rumusan dari teks atau bahan yang bermaklumat dengan sahih. Analisis kandungan teks ini juga merupakan satu pandangan baru untuk meningkat kefahaman pengkaji.

Menurut Krippendorff (2004), pendekatan ini juga dipanggil interpretif serta terdapat ciri sendiri seperti:

- a) Pendekatan ini mengenakan pembacaan yang luas melalui bahan teks yang bersifat relatif.
- b) Pendekatan ini merangkumi tafsiran melalui teks kepada naratif yang sahih dalam lingkungan komuniti.

### **3.7.3 Kekerapan peratusan**

Analisis dapatan data bagi kuantitatif seperti dalam kajian ini akan dianalisis melalui bentuk deskriptif statistik dalam bentuk peratusan. Analisis ini dikuatkan lagi dengan menggunakan formula di bawah:

$$\text{Peratus} = \frac{\text{Jumlah Skor Jawapan Pilihan}}{\text{Jumlah Responden}} \times 100$$

Maklumat dianalisis untuk mendapatkan maklumat mengenai Komuniti Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu: Kajian ke atas penglibatan komuni Cina Peranakan dalam Festival “Mek Awang”. Melalui penggunaan pendekatan kuantitatif, data yang diperolehi dikupas untuk menguatkan lagi maklumat dengan sahih dan tepat. Pendekatan kuaantitatif ini juga memberi penjelasan yang lebih padat dengan fakta dan bukti yang diperolehi.

Jadual 3.2: Kaedah Analisis Data

OBJEKTIF KAJIAN	PENDEKATAN KAJIAN	INSTRUMEN KAJIAN
<b>1. Mengenalpasti sejarah masyarakat Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kajian Ilmiah</li> <li>• Temu bual</li> <li>• Soal selidik</li> </ul>	<p><b>Kajian Ilmiah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membaca artikel mengenai sejarah Cina Peranakan.</li> <li>• Mendapatkan bahan bacaan serta dokumen daripada perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Muzium Terengganu, Perpustakaan Negeri Terengganu.</li> </ul> <p><b>Temu bual</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bertanya kepada responden secara spontan/ringkas.</li> <li>• Menyediakan soalan-soalan temu bual.</li> <li>• Menetapkan masa dan tarikh yang sesuai untuk temu bual.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>Menajalankan temu bual secara bersemuka.</li> </ul> <p><b><u>Soal selidik</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan soalan-soalan soal selidik.</li> <li>Mengedarkan borang soal selidik kepada responden secara rawak di kawasan kajian.</li> </ul>
2. Menghuraikan penglibatan komuniti Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang”.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kajian Ilmiah</li> <li>Soal selidik</li> <li>Temu bual</li> </ul>	<p><b><u>Kajian Ilmiah</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Menggunakan artikel yang berkaitan festival “Mek Awang”.</li> </ul> <p><b><u>Soal selidik</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengedarkan borang soal selidik kepada responden secara rawak di kawasan kajian.</li> </ul> <p><b><u>Temu bual</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanya kepada responden mengenai penglibatan Cina Peranakan.</li> </ul>

<p><b>3. Adakah festival “Mek Awang” berpotensi melestarikan warisan Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kajian Ilmiah</li> <li>• Temu bual</li> <li>• Soal selidik</li> </ul>	<p><b><u>Kajian Ilmiah</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengakses laman web Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Negeri Terengganu.</li> </ul> <p><b><u>Temu bual</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bertanya kepada responden secara festival “Mek Awang” berpotensi untuk dilestarikan.</li> <li>• Mendapat maklumat positif dari responden untuk melestarikan warisan Cina Peranakan.</li> </ul> <p><b><u>Soal selidik</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meminta pendapat daripada responden untuk melestarikan festival “Mek Awang”.</li> </ul>
---	--	--

### 3.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini menjelaskan mengenai metodologi kajian dan kaedah analisis yang diaplikasikan dalam kajian. Perbincangan pada bab ini juga termasuk pendedahan secara ringkas tentang reka bentuk kajian, pengumpulan data, persempelan kajian, instrument kajian dan kaedah analisis kajian yang diaplikasikan oleh pengkaji untuk memperolehi data telah diuraikan dalam bab ini. Kaedah kajian merupakan elemen terpenting untuk melaksanakan sesebuah kajian bagi mendapatkan maklumat yang tepat, ringkas, dan padat serta gambaran keseluruhan kajian ini dapat dianalisis. Metodologi kajian yang digunakan banyak membantu dan menyumbangkan kepada pengumpulan maklumat yang dikehendaki kepada pengkaji. Oleh itu, metodologi kajian yang digunakan dapat melaksankan kajian berkaitan Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu dalam festival “Mek Awang”. Semua data dan maklumat yang didapati akan dianalisis agar kajian yang dilaksanakan mencapai objektif kajian.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji menganalisis kajian hasil temubual dan mengedar borang soal selidik kepada responden di kawasan kajian iaitu Perkampungan Chinatown, Kuala Terengganu. Temubual dijalankan ke atas 5 orang informen manakala seramai 66 orang responden terlibat dalam kajian ini. Hasil dapatan ini dipersembahkan dalam bentuk jadual dan carta pai.

Analisis dan dapatan kajian dibahagi kepada empat bahagian utama iaitu bahagian A, B, C, dan D. Bahagian A berkaitan demografi responden iaitu jantina, umur, pekerjaan, bangsa dan tahap Pendidikan manakala bahagian B berkaitan bagaimanakah kewujudan masyarakat Cina Peranakan di Terengganu. Seterusnya, bahagian C berkaitan penglibatan komuniti Cina Peranakan Terengganu dalam festival “Mek Awang”. Akhir sekali, bahagian D berkait rapat dengan sejauhmanakah festival “Mek Awang” berpotensi melestarikan warisan Cina Peranakan di Chinatown, Kuala Terengganu.

#### **4.2 Sejarah Kewujudan Cina Peranakan Chinatown, Terengganu.**

Masyarakat Cina Peranakan di Terengganu adalah berbeza dengan masyarakat Baba dan Nyonya yang terdapat di Melaka, berkemungkinan ramai yang tidak mengetahui dan mengenali akan Cina Peranakan yang terdapat di Terengganu. Menurut akhbar Sinar Harian (2019), Cina Peranakan yang tinggal di Terengganu lebih dikenali sebagai ‘Cheng Mua Lang’ di mana Cina Peranakan Terengganu didapati telah wujud sejak abad ke-14 di mana pada ketika itu Kuala Terengganu dikatakan telah menjadi persinggahan utusan kerajaan Ming China iaitu Laksamana Zheng He atau Cheng Ho diantara tahun 1405 dan 1433.

Menurut Ahli Jawatankuasa Persatuan Cina Peranakan Terengganu (2019), komuniti Cina Peranakan di Terengganu ini berasal dari daerah Fujian, di China selatan dan telah menetap di beberapa kampung yang terdapat di Terengganu dari abad ke-14 sehingga abad ke-17. Mereka juga merupakan generasi antara ke-11 sehingga ke-19 yang masih mengekalkan warisan Cina akan tetapi pada masa yang sama, mereka juga telah mempunyai pengaruh budaya orang tempatan Melayu di Terengganu seperti masakan ikan singgang yang sememangnya merupakan lauk asas Terengganu. Bukan itu sahaja, komuniti Cina Peranakan ini merupakan golongan yang hampir 70% menggunakan loghat Melayu Terengganu dalam pertuturan dan percakapan seharian mereka. Hal ini, menjadikan mereka telah mula berasimilasi dengan budaya Melayu.

Melalui akhbar Sinar Harian juga, komuniti Cina Peranakan di Terengganu mula berkembang melalui perkahwinan sesama mereka yang mana sedikit banyak mewarisi warisan nenek moyang mereka. Cina Peranakan mula berkembang di Terengganu, kebanyakannya komuniti ini telah menetap di Kampung Tirok, Kampung Banggul Kemang, Pulau Bahagia dan Kampung Wakag Tapai yang dikelilingi beberapa buah perkampungan Melayu seperti Pulau Manis, Kampung Beladau, Kampung Banggul Chempedak.

Melalui akhbar Berita Harian (2023), Cina Peranakan sinonim dengan gelaran Baba Nyonya akan tetapi berbeza dengan Cina Peranakan di Kuala Terengganu. Cina Peranakan di Terengganu lebih dikenali dengan gelaran Cheng Mua Lang yang memberi maksud “orang pakai kain”. Bukan itu sahaja, Cina Peranakan ini banyak terdapat di Terengganu, Kelantan, Pulau Pinang dan Melaka. Cina Peranakan di setiap negeri mempunyai identity yang berbeza walaupun masing-masing telah cenderung ke arah mengamalkan sebahagian besar budaya Melayu. Amalan Cheng Mua Lang di Terengganu adalah merupakan sama saja seperti Melayu seperti pemakaian dimana kaum Wanita memakai baju kebaya dan berkain batik manakal bagi kaum lelaki pula berkain pelikat. Rentetan ini, Cina Peranakan digelar sebagai “orang pakai kain”. Sejarah Cina Peranakan mengikut rekod, komuniti Cina berlaku migrasi penduduk dari Fujian, China ke Terengganu bermula pada abad ke-16 sewaktu pemerintahan Dinasti Ming akan tetapi ada juga penduduk dari Cina dengan jumlah yang kecil datang ke Terengganu lebih awal sekitar abad ke-12. Mereka berhijrah ke Terengganu adalah untuk mencari pekerjaan.

### 4.3 Analisis Dapatan Temu Bual

Dapatan temu bual diperolehi daripada hasil temu bual yang dijalankan kepada lima orang informan seperti jadual di bawah. Data yang diperoleh melalui hasil temu bual dianalisis dalam bentuk transkrip.

Jadual 4.1: Senarai Informan Kajian

BIL	KOD DAN HURAIAN	JAWATAN
1.	Informan 1 (I1)	Penduduk Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu.
2.	Informan 2 (I2)	Pemimpin Komuniti di Chinatown, Terengganu.
3.	Informan 3 (I3)	Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK).
4.	Informan 4 (I4)	Penduduk berbangsa Melayu di Chinatown, Terengganu.
5.	Informan 5 (I5)	Ahli Jawatankuasa Persatuan Cina Peranakan Terengganu (AJK PCPT)

Sumber: Kajian Lapangan, 2023.

#### 4.3.1 Kewujudan komuniti Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu

Menurut Syed Ezdy (2021) Cina Peranakan di Terengganu juga meraikan Festival Peranakan Terengganu pada setiap tahun yang diadakan di Kampung Cina, Kuala Terengganu. Festival ini diadakan adalah untuk menonjolkan seni, warisan dan budaya. Rentetan itu, masyarakat Cina Peranakan di Terengganu digelar Mek dan Awang yang membentuk satu golongan etnik yang mempunyai ciri istimewa dan unik yang mana sebahagiannya menetap

di Kampung Tiruk dan Banggul Kemang yang berada di Dun Alur Limbat yang terletak 18-kilometer dari bandaraya Kuala Terengganu. Hal ini disokong daripada hasil temu bual bersama informan 1 yang menyatakan bahawa:

*“Yang saya ingat dan tahu, orang Cina ye mari dan singgoh di Kampung Tiruk. Mereka mari sini dengan kapal layar (orang ganung panggil “tokang”).”*

(I1, Penduduk Cina Peranakan Chinatown)

Melalui buku sejarah China yang tercatatnya karangan yang bertajuk ‘Cao-Ju-Kua’ yang siap ditulis pada tahun 1225, di dalam penulisannya menyatakan bahawa Tanah Melayu merupakan satu pelabuhan perdagangan yang terdapat di persisiran Pantai Timur. Catatan penulis China juga menyatakan bahawa Kuala Terengganu dan Kuala Berang merupakan pusat perniagaan utama di Asia Tenggara pada abad ke 12. Sungai Terengganu merupakan laluan utama dan penting bagi pedagang-pedagang asing pada zaman itu. Pedagang barang seperti Kayu Gaharu, Kayu Laka, Gading bermutu tinggi dijadikan pertukaran dengan Emas dan Perak. Hal ini disokong oleh beberapa informan yang menyatakan bahawa:

*“Kapal dulu-dulu dok canggih macam lening, dulu para pelayor/pedagang berlayar naik kapal ikut pergerakan angin sebab enjin kapal tak dop lagi zaman dulu. Cina peranakan di Terengganu. Dulu sini (Chinatown) ada satu perang besar. Selepas perang tu berlaku, ramai yang lari dan berhijroh ke tempat lain dengan kapal layar. Dulu kalu naik kapal, kalu ombok besar ramai yang terkorban.”*

(I1, Penduduk Cina Peranakan Chinatown)

*“Dulu-dulu pun sudah ada kewujudan Cina semasa pembukaan ladang-ladang baru dan banyak kemasukan buruh Cina untuk mengeluarkan biji timah mengikut keperluan industri.”*

(I2, Pemimpin komuniti Chinatown)

*“Pada pendapat saya, orang Cina datang ke Terengganu ini lama dah sejak pemerintah dulu lagi mungkin abad ke-15 tahun dulu. Seterusnya, orang Cina berhijrah ke Terengganu dengan kadar pendatang yang ramai untuk bekerja dilombong biji timah sebagai buruh lombong.”*

(I3, JPKK Chinatown)

Menurut sejarah, komuniti Cina juga bermula dari Maharaja China yang menghantar seorang puteri yang bernama Hang Li Po kepada Sultan Melaka sebagai tanda penghargaan dan penghormatan. Kebanyakkan raja-raja dan hamba-hamba yang menetap di Bukit Cina yang mengiringi puteri di Bukit Cina, bermula dari situlah Bukit Cina berkembang menjadi sebuah kelas kaum Cina. Kelas kaum cina ini lahir di Selat yang dikenal juga sebagai Peranakan. Bermula dari situ, ramai Cina Peranakan yang menetap di Terengganu dengan beberapa lokasi sehingga abad ke-17. Hal ini disokong daripada hasil temu bual bersama beberapa informan yang menyatakan bahawa:

*“Ada sorang Cina di Kampung Tiruk hok panda nulis tulisan jawi sebab ye banyak gaul dengan orang melayu kat kg tu.Zaman dulu sekolah dok banyak , jadi ramai yang dok sek. Awok-awok cina mari di kg Melayu dan gaul dengan orang kg yang ramai peranakan Baba Nyonya dan ade yaang nikoh capur (Cina kahwin dengan bangsa lain).”*

(I1, Penduduk Cina Peranakan Chinatown)

*“Komuniti Cina juga banyak terlibat dalam sektor awam/ahli politik dan bukan itu sahaja kaum cina ramai yang bekerja sendiri iaitu membuka perniagaannya di Chinatown seperti menjual ubat tradisional, peralatan pertukangan dan kedai makanan.”*

(I2, Pemimpin komuniti Chinatown)

*“Cina datang untuk jalankan hubungan diplomatik dulu pada mulanya lepas tu ada perkahwinan raja pada masa tu menyebabkan golongan pengikut dan hamba dari China datang. Selain itu, ada segelintir orang Cina berkahwin dengan penduduk tempatan dan membentuk kumpulan masyarakat Peranakan di Terengganu.”*

(I3, JPKK Chinatown)

*“Chinatown pada abad ke-18 menjadi pusat perdagangan dan perniagaan antarabangsa di rantau. Dahulu orang Cina mula bertapak di Chinatown tidak mempunyai pekerjaan, jadinya mereka mengambil upah mengangkut air dari perigi untuk bekalan. Lamakelamaan golongan Wanita sudah mempunyai pekerjaan lain seperti menjalankan perniagaan di Pasar Kedai Payang yang berada di sekitar Chinatown. Di Kampung Tirok terdapatnya Cina Peranakan yang menetap dan bekerja di Kuala Terengganu. Mereka hanya balik ke Tirok pada hujung minggu.”*

(I5, AJK PCPT)

Menurut Ahli jawatankuasa Persatuan Peranakan Cina Terengganu (2019), mereka adalah generasi yang ke-11 hingga ke-19 yang masih mengekalkan warisan Cina dan secara tidak langsung menggabungkan budaya, masakan dan gaya hidup Melayu tempatan. Bukan itu sahaja, golongan Cina Peranakan ini juga menggunakan loghat Melayu Terengganu semasa berkomunikasi yang dianggarkan hampir 70% keseluruhannya. Hal ini disokong daripada hasil temu bual bersama beberapa informan yang menyatakan bahawa:

*“Saya sekarang merupakan generasi ke-6 bagi komuniti. Oleh itu, sosiabudaya Cina dan Melayu khususnya dop banyak beza dari segi pemakaian (baju kebaya Nyonya seakan sama dengan baju kebaya orang melayu), makanan tradisi, seni warisan dan sebagainya.”*

(I1, Penduduk Cina Peranakan Chinatown)

*“Etnik Cina banyak terdiri daripada suku iaitu Hokkien, Hakka, Kantonis, Teowchew, Hanan dan Fuzhou yang berbeza percakapanya dan dialek. Kalau di Chinatown Terengganu dialek yang terbesar ialah Bahasa Hokkien. Mereka juga fasih berbahasa Melayu (loghat*

*Terengganu) dan bahasa melayu merupakan Bahasa harian yang digunakan untuk berkomunikasi sesama mereka setiap hari.”*

(I2, Pemimpin komuniti Chinatown)

Menurut Awang (2008), rekod awal yang telah dicatatkan oleh Shui Zhu Jing dalam tulisannya menceritakan bahawa orang Cina telah membentuk kerajaannya di Dungun bermula pada 3 Masihi dahulu. Kampung Cina yang lebih dikenali sebagai Chinatown yang terletak di Kuala Terengganu yang mana merupakan perkampungan yang terbesar bagi pedagang Cina yang akan datang berdagang di antara China dan Semenanjung Tanah Melayu bermula abad ke-15. Kewujudan Kampung Cina adalah merupakan buktinya kewujudan yang adanya jalinan hubungan yang baik di antara perdagangan kerajaan China dan kerajaan Terengganu. Hal ini disokong daripada hasil temu bual bersama informan 4 yang menyatakan bahawa:

*“Yang saya tahu, dulu orang Cina datang ke Terengganu dan menetap di sini disebabkan oleh perkembangan perbandaran di sini.Selain itu,di Chinatown ini juga adanya pedagang Cina yang berdagang pada abad ke-15 lagi. Hubungan erat mula terjalin antara pedagang cina dan tempatan disini serta ada juga komuniti Cina terdapat di Kuala Berang yang merupakan pusat perniagaan utama di Asia Tenggara pada abad ke-12. Sungai Terengganu merupakan laluan utama bagi pedagang-pedagang asing pada masa itu.”*

(I4, Penduduk kampung berbangsa Melayu Chinatown)

#### 4.3.2 Penglibatan Komuniti Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang”

Berdasarkan kajian lapangan yang pengkaji dapati melalui temu bual bersama dengan 5 orang informan, data yang diperolehi mengenai penglibatan komuniti Cina Peranakan di Terengganu dalam festival “Mek Awang” yang merangkumi beberapa soalan antaranya ialah soalan yang berbunyi “*Bolehkah anda terangkan sedikit sebanyak “Festival Mek Awang”*”. Boleh dikatakan bahawa, informan sememangnya mempunyai penglibatan komuniti dalam festival “Mek Awang” yang mana disokong oleh beberapa orang informan:

“*Festival Mek Awang ni dia macam nak tunjuk pemakanan orang Cina Peranakan, pakaian dia and then pertunjukan kuih tradisi.*”

(I1, Penduduk Cina Peranakan Chinatown)

“*Festival Mek Awang ni merupakan festival untuk menyambut tahun baru Cina dengan meriah tapi sejak pertukaran tapak pemerintahan, jadi kita kurang anjurkan festival ini kerana tidak mendapat peruntukan daripada kerajaan.*”

(I2, Pemimpin komuniti Chinatown)

“*Festival Mek Awang ni biasanya diadakan bagi menyambut perayaan tahun baru cina namun sejak peralihan pemerintahan kerajaan Terengganu, festival ini jarang diadakan atas sebab-sebab tertentu.*”

(I3, JPKK Chinatown)

“*Tak tahu nak terangkan macam mana kerana saya kurang tahu berkaitan festival ini.*”

(I4, Penduduk kampung berbangsa Melayu Chinatown)

“*Festival ini lebih tertumpu pada adat tradisi kaum cina dari segi pakaian, warisan dan budaya, makanan dan sebagainya.*”

(I5, AJK PCPT)

Selain itu, soalan yang seterusnya pengkaji kemukakan semasa temubual bersama informan ialah “*sejak bilakah “Festival Mek Awang” diperkenalkan?*”. Kelima-lima informan memberi jawapan yang sama. Hal ini disokong oleh kelima informan:

“*Kalu dok salah ingat saya, festival ini mule diperkenalkan pada tahun 2017, bulan berapse tu saye dok ingat la.*”

(I1, Penduduk Cina Peranakan Chinatown)

“*Festival ini mula berlangsung pada 2017, sekitar bulan 8-.*”

(I2, Pemimpin komuniti Chinatown)

“*Saya tidak pasti bila festival ini diperkenalkan.*”

(I3, JPKK Chinatown)

“*Saya pernah dengar perbualan rakan-rakan tentang festival ini, sekitar pertengahan tahun 2017.*”

(I4, Penduduk kampung berbangsa Melayu Chinatown)

“*Sekitar tahun 2017. Bulan berapse saya tidak pasti.*”

(I5, AJK PCPT)

Soalan yang keempat ditanya oleh kelima-lima informan yang berbunyi “*Berapa lamakah Festival “Mek Awang” diraikan di Chinatown?*”. Hasil data yang diperolehi daripada 5 orang informan disokong beserta dengan jawapan informan yang lebih kurang sama:

“*Dok lama pun festival ni berlangsung, lebih kurang 3 hari 2 malam gitu je.*”

(I1, Penduduk Cina Peranakan Chinatown)

“*Tak silap saya dalam 3 hari.*”

(I2, Pemimpin komuniti Chinatown)

*“Lebih kurang 2-3 hari.”*

(I3, JPKK Chinatown)

*“Mungkin 3 hari macam tu.”*

(I4, Penduduk kampung berbangsa Melayu Chinatown)

*“Kebiasaananya, festival ini berlangsung selama 3 hari 3 malam sahaja.”*

(I5, AJK PCPT)

Bagi mendapatkan lebih lanjut data mengenai Festival “Mek Awang” ini, pengkaji memberi soalan yang seterusnya kepada informan yang terpilih. Antara soalannya ialah *“Adakah anda pernah menyertai dan terlibat dalam Festival “Mek Awang”?* Kelima-lima informan sememangnya telah menyertai dan terlibat dengan Festival “Mek Awang” yang berlangsung di Terengganu. Hal ini telah disokong oleh kelima-lima informan:

*“Ade jugok sekali kebetulan mase tu saye ade join Persatuan Cina Peranakan Terengganu.”*

(I1, Penduduk Cina Peranakan Chinatown)

*“Ya, saya pernah jugok beberapa kali melibatkan diri dalam festival tersebut.”*

(I2, Pemimpin komuniti Chinatown)

*“Tidak pernah sama sekali.”*

(I3, JPKK Chinatown)

*“Tidak pernah sama sekali cuma pernah hadir ke festival tersebut.”*

(I4, Penduduk kampung berbangsa Melayu Chinatown)

*“Ya, saya pernah menyertai festival ini beberapa kali sebelum ini.”*

(I5, AJK PCPT)

Selain itu, soalan yang dikemukakan kepada informan mengenai

*“Siapakah yang terlibat dalam menganjurkan Festival “Mek Awang”?*

Keterlibatan sesebuah organisasi merupakan salah satu kepentingan dalam sesebuah festival mahu pun program. Dalam Festival “Mek Awang” majoriti kelima-lima informan telah menyertai dan terlibat. Hal ini disokong dengan:

*“Setahu saye, biasa kalu ada program atau festival gini, persatuan Cina dengan kerjasama beberapa agensi lain.”*

(I1, Penduduk Cina Peranakan Chinatown)

*“Kumpulan Cina Peranakan Bersama agensi perniagaan Cina yang lain.”*

(I2, Pemimpin komuniti Chinatown)

*“Tidak pasti, mungkin daripada pertubuhan NGO.”*

(I3, JPKKK Chinatown)

*“Kumpulan Cina Peranakan berkerjasama dengan Persatuan perniagaan Cina yang lain.”*

(I4, Penduduk kampung berbangsa Melayu Chinatown)

*“Biasanya, persatuan Cina Terengganu dan badan-badan NGO.”*

(I5, AJK PCPT)

Soalan yang ketujuh merupakan item yang berkaitan dengan aktiviti yang dilakukan dan berlangsung sepanjang Festival “Mek Awang”. Dalam Festival “Mek Awang” terdapat banyak aktiviti yang berlangsung sepanjang tempoh 3 hari Festival “Mek Awang” berlangsung di Chinatown, Terengganu. Hal ini disokong dengan 5 orang informan:

*“Semasa pernglibatan saya, Saya adalah salah seorang model yang*

*memperaga baju kebaya Nyonya. Selain itu, saya membuat demo masakan Cina Peranakan. Makanan orang Cina Terengganu dok jauh beza pun dengan makanan orang melayu Terengganu seperti pulut lepe(pulut panggang) dan pulut gaul nyoir yang saya buat sendiri. Orang lain ade buat demo cara buat kuih lapis, sekaya, kepok lekor (keropok lekor).*

(I1, Penduduk Cina Peranakan Chinatown)

*“Kita buat macam meraikan perayaanlah dimana disediakan tempat jualan, pertunjukan naga, pemakaian Cina, pameran mengenai Cina Peranakan dan sebagainya.”*

(I2, Pemimpin komuniti Chinatown)

*“Kebanyakkan aktiviti yang diadakan lebih kurang sama dengan sambutan perayaan tahun baru cina.”*

(I3, JPKK Chinatown)

*“Semasa saya hadir ke festival tersebut, saya dapati ada gerai jualan makanan dan minum, pameran kebudayaan dan sebagainya.”*

(I4, Penduduk kampung berbangsa Melayu Chinatown)

*“Kebanyakkan aktiviti yang diadakan lebih kurang sama dengan sambutan perayaan tahun baru cina.”*

(I5, AJK PCPT)

Soalan yang dikemukakan kepada informan mengenai “Adakah terdapatnya penglibatan daripada bangsa lain dalam Festival “Mek Awang”. Keterlibatan sesebuah organisasi merupakan salah satu kepentingan dalam sesebuah festival mahu pun progam. Dalam Festival “Mek Awang” majoriti kelima-lima informan telah menyertai dan terlibat bukan sahaja orang Cina Peranakan malah ada pernyertaan daripada pelbagai kaum seperti Cina, Melayu dan India. Hal ini disokong dengan:

*“Melayu, Cina, India ada. Diorang nak ambil tahu lah macam mana gaya hidup mereka, bagaimana mereka memasak. Dan dia nak tahu*

*budaya Cina Peranakan”*

(I1, Penduduk Cina Peranakan Chinatown)

*“Ada jugak kerana sekitar perkampungan Chinatown ini ada orang melayu yang tinggal berhampiran dengan Chinatown serta beberapa orang daripada bangsa lain.”*

(I2, Pemimpin komuniti Chinatown)

*“Festival ini bukan tunjuk Cina sahaja, ada penglibatan daripada bangsa Melayu yang tinggal di Terengganu.”*

(I3, JPKK Chinatown)

*“Sudah pasti. Festival ini turut disertai oleh beberapa orang dari etnik Melayu.”*

(I4, Penduduk kampung berbangsa Melayu Chinatown)

*“Ya, kaum Melayu ada jugak terlibat dalam festival ini namun kaum utama adalah komuniti cina sendiri.”*

(I5, AJK PCPT)

Soalan terakhir di bahagian ini mengenai “*Bagaimakah persediaan yang dibuat sebelum berlangsungnya Festival “Mek Awang”?* Dalam melaksanakan dan menganjurkan sesebuah festival agar berjalan dengan lancar, persedian yang rapi perlu dititikberatkan. Melalui temu bual beberapa orang responden mengenai persediaan sebelum menganjurkan Festival “Mek Awang” ini menyatakan bahawa ketrlibatannya dalam festival ini memerlukan persediaan. Hal ini disokong oleh kelima-lima responden:

*“Kalau macam saya, sebelum bermulanya festival, saya akan mengenalpasti baju kebaya Nyonya mana yang akan diperagakan nanti. Ada jugok gerai untuk pameran baju kebaya dan gerai makanan, jadi para pelancong luar yang datang kemari boleh melihat sendiri keunikan seni budaya dan mencuba makanan tradisi kaum Cina khususnya semasa festival ini berlangsung.”*

(I1, Penduduk Cina Peranakan Chinatown)

*“Kalau bahagian jualan makanan, kami telah mengasingkan tempat makanan halal (bagi pengunjung islam) dan non halal (penganut agama lain).”*

(I2, Pemimpin komuniti Chinatown)

*“Tidak pasti kerana saya tidak pernah terlibat dengan festival tersebut.”*

(I3, JPKK Chinatown)

*“Tidak tahu, mungkin persediaan daripada jumlah penyertaan, persiapan tempat dan sebagainya.”*

(I4, Penduduk kampung berbangsa Melayu Chinatown)

*“Mengadakan latihan/raptai terlebih dahulu, pengarah program akan memberi taklimat dan tugas yang perlu dilaksanakan oleh para peserta agar festival itu nanti dapat berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah.”*

(I5, AJK PCPT)



Rajah 4.1: Persembahan tarian Naga.

Sumber: Google



Rajah 4.2: Cina Peranakan memakai baju Baba Nyonya.

Sumber: Google.

### 4.3.3 Potensi melestarikan warisan Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang” Terengganu

Berdasarkan kajian lapangan yang pengkaji perolehi melalui temu bual bersama dengan 5 orang informan, data yang diperolehi mengenai potensi melestarikan warisan Cina Peranakan dalam Festival “Mek Awang” Terengganu yang merangkumi beberapa soalan antaranya ialah soalan yang berkaitan *“Adakah terdapat kerjasama daripada pihak berkuasa dalam melestarikan Festival “Mek Awang”.*

Menurut keratan akhbar Astro Awani (2018) yang bertajuk Festival Mek dan Awang bersempena Tahun Baharu Cina,festival ini merupakan festival yang bekerjasama dengan Timbalan Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Terengganu ingin menyeru perantau di luar agar pulang ke kampung bersempena dengan Tahun Baharu Cina yang diadakan selama tiga hari bagi mengetengahkan budaya kaum Cina di Terengganu. Hal ini disokong oleh informan pertama:

*“Hok saye ingat, Timbalan Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Terengganu terlibat dalam mempromosikan Festival “Mek Awang” untuk mengetengahkan budaya kaum Cina di Terengganu yang diadakan selama tiga hari. Festival ni jugok ada bekerjasama dengan Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu (JPNT) dimana untukkekalkan warisan tradisional yang unik termasuk adatnye.”*

(I1, Penduduk Cina Peranakan Chinatown)

Selain itu, dalam berita TRDI yang bertajuk Festival Mek dan Awang (2018), Perasmian semasa pelancaran Festival “Mek Awang” dibuat oleh Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Belia,Sukan dan NGO Negeri. Festival ini juga dapat dijadikan platform untuk terus memastikan kelestarian

seni,budaya dan warisan masyarakat Cina terus terpelihara yang mampu menghidupkan kembali nostalgia lama sekaligus mampu membantu menjadikan Chinatown sebagai ‘A Unique Heritage Brand In A Tourism Hub’ dalam memperkenalkan Terengganu kepada pelancong luar dan secara tidak langsung dapat menjadi duta dalam membantu mempromosikan kempen “Beautiful Terengganu”. Hal ini dikuatkan lagi dengan pernyataan informan kedua:

*“Ade. Contohnye, macam Pengurus Jawatankuase Pembangunan Belia,Sukan dan NGO Negeri ade turut serte untuk pasti kelestarian budaya dan warisan komuniti Cina ini dijaga dan nostalgia lame untuk promosikan “Beautiful Terengganu”.*

(I2, Pemimpin komuniti Chinatown)

Seterusnya, akhbar Berita yang bertajuk Festival Mek Awang bakal meriahkan Tahun Baru Cina ini juga, akhbar ini menyatakan bahawa Festival “Mek Awang” turut mendapat kerjasama daripada Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Terengganu (DPPCT) dimana mengambil insiatif menjenamakan program berkenan sebagai nilai tambah kepada festival lain di kampung berkenaan seperti Festival Peranakan Terengganu dan Festival Perarakan Mazu. Hal ini disokong oleh informan ketiga dan keempat:

*“Hok saye ingat, persatuan sek-sek dia jual (Dewan Perniagaan Perindustrian Cina Terengganu) (DPPCT) ade ambil inisiatif untuk jename program ini sebagai nilai tambah pada festival lain macam Festival Peranakan Terengganu dan Festival Perarakan Mazu di Chinatown.*

(I3, JPKK Chinatown)

*“Saya dok tahu sangat hok tu, tapi biase ada laa, macam JPNT berkerjasam dengan Persatuan Pertubuhan Perniagaan Cina Peranakan Terengganu Bersama-sama anjur festival “Mek Awang” Pesta Tanglung dan Festival Perayaan di Chinatown. Mungkin ada*

*lagi, tapi saya dokk tahu lah.”*

(I4, Penduduk kampung berbangsa Melayu Chinatown)

Menurut akhbar Berita Harian yang bertajuk Festival Mek Awang bakal meriahkan Tahun Baru Cina yang ditulis oleh Aslina Abu Bakar (2018), Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu (JPNT) telah menganjurkan Festival “Mek Awang” sempena Sambutan Tahun Baru Cina di Terengganu. Festival ini dianjurkan kerana untuk menyambut kepulangan komuniti Cina yang berada di bandar. Hal ini disokong lagi oleh informan kelima:

*“Ada, biasanya Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu (JPNT) ade buat promosi Festival “Mek Awang” sempena Sambutan Tahun Baru Cine supaya semua orang boleh balik kampung halaman dan JPNT juga telah masukkan dalam calendar pelancongan Terengganu dengan menganjurkan banyak aktiviti menarik kepada pengunjung termasuk perantau yang pulang ke Chinatown.”*

(I5, AJK PCPT)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 4.4 Analisis Soal Selidik

### 4.4.1 Demografi Responden

Demografi responden merupakan bahagian A dalam borang soal selidik dimana dalam bahagian ini terdapat lima soalan seperti jadual di bawah:

Jadual 4.1: Demografi responden

KATEGORI	KEKERAPAN RESPONDEN (N)	%
<b><u>Jantina</u></b>		
Lelaki	28	42
Perempuan	38	58
<b><u>Umur</u></b>		
18-25 tahun	15	23
26-45 tahun	19	29
46-65 tahun	18	27
66-90 tahun	14	21
<b><u>Pekerjaan</u></b>		
Pelajar	22	34
Kerajaan & Swasta	19	28
Kerja sendiri	17	26
Tidak bekerja	8	12
<b><u>Bangsa</u></b>		
Melayu	28	43
India	0	0
China	38	57
Lain-lain	0	0
<b><u>Tahap Pendidikan</u></b>		
Sek.Ren	10	15
Sek.Men	40	62
Degree	15	22
Master & PhD	1	1

Sumber: Kajian lapangan, 2023.

Jadual 4.1 menunjukkan taburan responden di Chinatown, Terengganu mengikut jantina iaitu seramai 27 orang responden terdiri daripada lelaki dengan peratusan sebanyak 42% manakala 38 orang responden terdiri daripada perempuan iaitu sebanyak 58%. Jelaslah bahawa, daripada hasil taburan ini menunjukkan bahawa responden perempuan lebih ramai berbanding responden lelaki.

Selain itu, soalan kedua di demografi mengenai umur responden yang terdiri daripada empat kategori iaitu 18-25 tahun, 26-45 tahun, 46-65 tahun, dan 66-90 tahun. Bilangan responden yang paling ramai berada dalam lingkungan 26-45 tahun iaitu sebanyak 19 orang responden dengan peratusan 29% manakala peringkat umur 46-65 tahun iaitu seramai 18 orang dengan peratusan sebanyak 27 %. Peratusan ketiga tertinggi adalah sebanyak 23 % iaitu seramai 15 orang responden yang berumur 18-25 tahun. Selain itu, seramai 14 orang responden berumur 66-90 tahun menunjukkan peratusan paling rendah iaitu 21 %. Kesimpulan yang dapat dibuat daripada umur responden adalah majoriti kaum Cina Peranakan di Chinatown terdiri daripada golongan belia dan dewasa yang kebanyakannya mereka adalah generasi ke-7.

Item yang seterusnya yang terdapat pada demografi iaitu pekerjaan responden yang terbahagi kepada empat kategori iaitu pelajar, kerajaan & swasta, kerja sendiri dan tidak bekerja. Peratusan yang paling tinggi adalah dari kalangan pelajar yang mencatat jumlah seramai 22 orang dengan peratusan sebanyak 34% manakala kategori kedua tertinggi adalah seramai

19 orang dengan peratusan 28% iaitu bekerja dalam sektor kerajaan & swasta. Pekerjaan responden ketiga tertinggi adalah mereka yang bekerja sendiri iaitu seramai 17 orang responden dengan peratusan 26% dan sebanyak 12% adalah tidak bekerja dengan bilangan seramai 8 orang.Jelaslah bahawa, majoriti masyarakat di perkampungan Chinatown ramai yang bekerja dalam sektor kerajaan & swasta kerana kawasan Chinatown berada di tengah bandar Terengganu yang merupakan pusat pentadbiran utama bagi rakyat Terengganu.

Item yang seterusnya mengenai taburan responden di Chinatown, Terengganu mengikut bangsa iaitu Melayu, India, Cina dan lain-lain. Bangsa yang tertinggi iaitu Cina seramai 37 orang responden dengan peratusan sebanyak 57%. Peratusan yang kedua tertinggi iaitu sebanyak 43% dengan 28 orang responden adalah bangsa Melayu. India dan lain-lain menunjukkan 0%. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa bangsa Cina merupakan bangsa tertinggi yang terdapat di perkampungan Chinatown dan kaum majoriti ke-2 terbesar di Terengganu.

Soalan yang terakhir di demografi menunjukkan taburan responden di Chinatown, Terengganu mengikut empat tahap pendidikan iaitu Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, Ijazah Sarjana Muda dan Master dan PhD. Bilangan responden yang paling tinggi adalah di Sekolah Menengah iaitu seramai 40 orang responden dengan peratusan sebanyak 62% diikuti Ijazah Sarjana Muda seramai 15 orang bersamaan 22% . Bilangan tahap pendidikan sekolah rendah menunjukkan peratusan sebanyak 15 %

bersamaan 10 orang responden dan bilangan yang paling rendah iaitu sebanyak 1% dengan seorang responden sahaja yang mempunyai pendidikan di tahap ijazah tinggi iaitu Master dan PhD. Jelaslah, majoriti responden mempunyai purata pendidikan di tahap Sekolah Menengah sahaja.

#### **4.4.2 Kewujudan komuniti Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu**

Kewujudan masyarakat Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu merupakan bahagian B yang terdapat di dalam borang soal selidik dimana dalam bahagian ini terdapat enam soalan seperti jadual di bawah:

Jadual 4.2: Kewujudan Masyarakat Cina Peranakan di Terengganu

<b>SOALAN</b>	<b>Ya</b>		<b>Tidak</b>		<b>Tidak Pasti</b>	
	<b>R</b>	<b>%</b>	<b>R</b>	<b>%</b>	<b>R</b>	<b>%</b>
1. Adakah anda tahu bahawa terdapatnya satu perkampungan Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu?	61	93	0	0	5	7
2. Adakah anda tahu bahawa bermula abad ke-15, Chinatown, Terengganu merupakan perkampungan terbesar bagi pedagangan Cina?	25	38	13	19	28	43
3. Adakah anda tahu bahawa Cina Peranakan adalah merupakan kaum minoriti yang terdapat di Terengganu?	45	68	6	9	15	22
4. Adakah anda tahu bahawa satu Pelabuhan perdagangan yang terdapat di pesisiran Pantai Timur iaitu Sungai Terengganu telah wujudnya Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu?	38	58	4	6	24	36
5. Adakah anda tahu akan rekod catatan China menyatakan bahawa kedatangan Cina Peranakan di Terengganu melalui persinggahan pelayar terkenal iaitu Abdullah Munsyi?	25	38	17	26	24	36

6. Adakah anda tahu akan Cina Peranakan mempengaruhi budaya dan masyarakat Terengganu terutamanya dari segi komunikasi dalam budaya, masakan dan gaya hidup?	37	56	23	35	6	9
--	----	----	----	----	---	---

Sumber: Kajian lapangan, 2023.

Berdasarkan jadual 4.2 diatas, menunjukkan mengenai kewujudan masyarakat Cina Peranakan di Terengganu yang merangkumi 6 soalan sahaja. Antaranya ialah pengetahuan mengenai perkampungan Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu. Majoriti 61 orang responden menjawab ya dengan jumlah peratusan sebanyak 94% manakala responden yang menjawab tidak pasti seramai 5 orang iaitu 6%. Responden yang menjawab tidak terhadap pernyataan tersebut tiada dengan peratus 0%. Jelas membuktikan bahawa kebanyakan responden mengetahui akan kewujudan Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu. Hal ini disokong oleh informan ketiga semasa sesi temu bual menyatakan bahawa:

*“Pada pendapat saya, orang Cina datang ke Terengganu ini lama dah sejak pemerintah dulu lagi mungkin abad ke-15 tahun dulu. Cina datang untuk jalankan hubungan diplomatik dulu pada mulanya lepas tu ada perkahwinan raja pada masa tu menyebabkan golongan pengikut dan hamba dari China datang. Selain itu, ada segelintir orang Cina berkahwin dengan penduduk tempatan dan membentuk kumpulan masyarakat Peranakan di Terengganu. Seterusnya, orang Cina berhijrah ke Terengganu dengan kadar pendatang yang ramai untuk bekerja dilombong biji timah sebagai buruh lombong.”*

(I3, JPKK Chinatown)

Soalan yang kedua, pengetahuan sejarah Cina Peranakan iaitu pada abad ke-15, Chinatown, Terengganu merupakan perkampungan terbesar bagi pedagangan Cina. Seramai 28 orang responden menjawab tidak pasti akan pernyataan tersebut dengan nilai peratusan sebanyak 43% manakala nilai peratusan kedua tinggi dengan 25 orang responden menjawab ya iaitu 38%. Ada juga segelintir responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut iaitu seramai 13 orang responden dengan peratusan sebanyak 19%. Jelaslah bahawa, Kebanyakan responden tidak berapa pasti akan kewujudan perkampungan terbesar bagi pedagang Cina di Chinatown, Terengganu. Hal ini sama seperti kajian:

Menurut Awang (2008), rekod awal yang telah dicatatkan oleh Shui Zhu Jing dalam tulisannya menceritakan bahawa orang Cina telah membentuk kerajaannya di Dungun bermula pada 3 Masihi dahulu. Kampung Cina yang lebih dikenali sebagai Chinatown yang terletak di Kuala Terengganu yang mana merupakan perkampungan yang terbesar bagi pedagang Cina yang akan datang berdagang di antara China dan Semenanjung Tanah Melayu bermula abad ke-15.

Selain itu, soalan yang ketiga mengenai pengetahuan akan kaum minoriti iaitu Cina Peranakan di Terengganu. Majoriti seramai 45 orang responden iaitu sebanyak 68% yang bersetuju dengan pernyataan ini manakala responden yang menjawab tidak pasti adalah sebanyak 23% dengan 15 orang responden. Pernyataan tidak bersetuju sebanyak 9% iaitu seramai 6 orang responden. Kesimpulannya, majoriti responden sudah mengetahui akan kewujudan kaum minoriti iaitu kaum Cina di Terengganu. Hal ini disokong

melalui:

Menurut Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri,Kebudayaan dan Pelancongan(2019), Chinatown merupakan warisan pra-kolonial yang ketara ini.yang berada di Terengganu kerana Orang Cina di Chinatown Terengganu adalah golongan minoriti dengan populasi pada tahun 2010 adalah seramai 26,429 orang, hanya 2.43% daripada jumlah keseluruhan penduduk di negeri ini.

Seterusnya hasil analisis item ke-4 iaitu *Adakah anda tahu bahawa satu Pelabuhan perdagangan yang terdapat di pesisiran Pantai Timur iaitu Sungai Terengganu telah wujudnya Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu?* menunjukkan seramai 38 orang responden bersetuju dengan pernyataan ini dengan jumlah peratusan sebanyak 58% manakala responden yang menjawab tidak pasti sebanyak 36% dengan bilangan responden seramai 24 orang. Hal ini sejajar dengan buku sejarah China yang tercatatnya karangan yang bertajuk ‘Cao-Ju-Kua’ yang siap ditulis pada tahun 1225, di dalam penulisannya menyatakan bahawa Tanah Melayu merupakan satu pelabuhan perdagangan yang terdapat di persisiran Pantai Timur. Yang menyatakan sejarah kewujudan Cina Peranakan wujud di satu pelabuhan perdagangan yang terdapat di pesisiran pantai timur iaitu Sungai Terengganu. Bagi pernyataan yang tidak bersetuju mencatat nilai peratusan sebanyak 6% dengan bilangan responden sebanyak 4 orang sahaja. Tegasnya, kebanyakkan responden adalah mempunyai pengetahuan mengenai sejarah kewujudan Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu.

Disamping itu, soalan berikutnya mengenai rekod catatan China menyatakan akan kedatangan Cina Peranakan melalui persinggahan pelayar terkenal iaitu Abdullah Munsyi. Majoriti responden yang menjawab paling banyak adalah ya iaitu seramai 25 orang dengan peratusan sebanyak 38%, diikuti responden yang menjawab tidak pasti seramai 24 orang iaitu peratusan sebanyak 36%. Hanya 17 orang responden sahaja yang menjawab tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut dengan nilai peratusan sebanyak 26%. Jelaslah, kewujudan masyarakat Cina Peranakan di Terengganu adalah bukti yang benar bahawa kedatangan Cina dibawa oleh pelayar terkenal iaitu Abdullah Munsyi. Hal ini disokong dengan catatan:

Menurut Farah Shazwani Ali (2019), pada abad ke 19, pelayar terkenal, Abdullah Munsyi yang singgah di Kuala Terengganu mencatatkan kaum Cina pada zaman tersebut berkomunikasi sepenuhnya dalam bahasa Melayu Terengganu. Apabila kedatangan Abdullah Munsyi datang ke Terengganu, Terengganu mula berkembang menjadi bandar perdagangan yang penting antara Kerajaan China dan Kerajaan Terengganu.

Akhir sekali, pengetahuan responden mengenai pengaruh budaya dan masyarakat Cina Peranakan terutamanya dari segi komunikasi dalam budaya, masakan dan gaya hidup. Seramai 37 orang responden menjawab ya dengan jumlah peratusan tertinggi iaitu sebanyak 56%, diikuti 23 orang responden menjawab tidak dengan peratusan sebanyak 35%. Seramai 6 orang responden menjawab tidak pasti dengan peratusan sebanyak 9%. Hal ini dapat disimpulkan bahawa kewujudan masyarakat Cina Peranakan di

Terengganu sedikit sebanyak mempengaruhi kehidupan masyarakat terutama dari segi komunikasi dalam budaya, masakan dan gaya hidup. Hal ini sama seperti yang diperkata oleh informen pertama semasa kajian lapangan:

*“Oleh itu, sosiabudaya Cina dan Melayu khususnya dop banyak beza dari segi pemakaian (baju kebaya Nyonya seakan sama dengan baju kebaya orang melayu), makanan tradisi, seni warisan dan sebagainya.”*

(I1, Penduduk Cina Peranakan Chinatown)

#### 4.4.3 Penglibatan Komuniti Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang”

Penglibatan komuniti Cina Peranakan di Terengganu dalam festival “Mek Awang” merupakan bahagian C yang terdapat di dalam borang soal selidik dimana dalam bahagian ini terdapat enam soalan seperti yang ditunjukkan oleh jadual di bawah.

Jadual 4.3: Penglibatan komuniti Cina Peranakan Terengganu dalam festival “Mek Awang”

SOALAN	Ya		Tidak		Tidak Pasti	
	R	%	R	%	R	%
1. Adakah anda tahu tentang festival “Mek Awang” berkait rapat dengan komuniti Cina Peranakan di Terengganu?	60	91	4	6	2	3
2. Adakah festival “Mek Awang” ini disertai oleh Cina Peranakan di Terengganu sahaja?	14	21	44	67	8	12
3. Adakah anda tahu bahawa pelbagai aktiviti menarik yang diadakan semasa festival “Mek Awang” seperti jualan peranakan, persempahan tarian singa dan demonstrasi membuat kuih dan	58	89	3	4	5	7

sebagainya?						
4. Adakah terdapat sebarang konflik atau ketegangan yang timbul semasa festival “Mek Awang” berlangsung?	6	9	48	73	12	18
5. Adakah penyertaan komuniti Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang” dapat menguatkan lagi identiti budaya mereka?	52	79	5	7	9	14
6. Adakah semasa pandemik Covid-19, Cina Peranakan ini masih meraikan festival “Mek Awang”?	12	18	50	76	4	6

Sumber:Kajian Lapangan,2023.

Berdasarkan rajah 4.7 diatas, menunjukkan tentang penglibatan komuniti Cina Peranakan di Terengganu dalam festival “Mek Awang” yang merangkumi 6 soalan. Soalan pertama berkaitan pengetahuan mengenai festival “Mek Awang” berkaitan rapat dengan Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu. Seramai 60 orang responden menjawab ya dengan jumlah peratusan sebanyak 92% manakala responden yang menjawab tidak seramai 4 orang iaitu 6% dan responden yang menjawab tidak pasti terhadap pernyataan tersebut adalah seramai 2 orang responden dengan peratusan 3%. Hal ini dapat disimpulkan bahawa responden kajian mengetahui mengetahui terdapatnya festival “Mek Awang” yang berkait rapat dengan Cina Peranakan di Terengganu. Hal ini disokong oleh artikel yang bertajuk Festival Mek Awang bakal memeriahkan Tahun Baru Cina, Festival ini adalah salah satu inisiatif untuk menyeru perantau untuk pulang ke kampung halaman bersemepena Sambutan Tahun Baru Cina.

Soalan kedua mengenai penglibatan yang disertai oleh Cina peranakan sahaja di Terengganu. Responden menjawab tidak menunjukkan peratusan paling tinggi dengan peritus sebanyak 67% iaitu seramai 44 orang manakala 14 orang responden menjawab ya dengan peratusan sebanyak 21%. Hanya 12% iaitu 8 orang sahaja responden yang menjawab tidak pasti dengan pernyataan ini. Jelaslah bahawa, festival “Mek Awang” ini bukanlah hanya disertai oleh komuniti Cina Peranakan Terengganu sahaja malah ada juga dari bangsa lain seperti Melayu dan India serta pelancong dari luar yang datang bercuti ke Terengganu tertarik dengan festival yang unik ini. Hal ini dikuatkan lagi dengan informan:

*Melayu, Cina, India ada. Diorang nak ambil tahu lah macam mana gaya hidup mereka, bagaimana mereka memasak. Dan dia nak tahu budaya Cina Peranakan*

(I1, Penduduk Cina Peranakan Chinatown)

Seterusnya, soalan mengenai pengetahuan tentang kepelbagaiannya aktiviti menarik yang diadakan semasa festival “Mek Awang”. Majoriti 58 orang responden iaitu 89% yang bersetuju dengan pernyataan ini manakala seramai 5 orang responden iaitu 7% yang menjawab tidak pasti. Hanya 4% iaitu 3 orang sahaja responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Jelaslah menunjukkan bahawa majoriti komuniti cina sudah tahu akan pelbagai aktiviti menarik diadakan sepanjang festival “Mek Awang” ini berlangsung. Hal ini diperkuatkan lagi dengan pernyataan infoman kedua:

*Kita buat macam meraikan perayaanlah dimana disediakan tempat jualan, pertunjukan naga, pemakaian Cina, pameran mengenai Cina Peranakan dan sebagainya.*

Disamping itu, soalan yang keempat berkaitan konflik dan ketegangan yang timbul semasa festival “Mek Awang” berlangsung. Seramai 48 orang responden menjawab tidak dengan saolan ini iaitu sebanyak 73% manakala seramai 12 orang responden iaitu 18% yang menjawab tidak pasti. Hanya 9% iaitu bersamaan 6 orang sahaja responden yang bersetuju dengan pernyataan ini. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa tiada sebarang konflik atau ketegangan berlaku semasa festival ini diadakan kerana festival ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para penonton tentang keunikan budaya yang terdapat dalam komuniti cina.

Soalan kelima mengenai penyertaan komuniti Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang” dapat meningkatkan lagi identiti budaya mereka. Majoriti 52 orang responden iaitu bersamaan 79% yang bersetuju dengan pernyataan ini manakala 9 orang sahaja responden iaitu sebanyak 14% yang menjawab soalan tersebut dengan tidak pasti. Hanya 5 orang sahaja yang tidak bersetuju dengan soalan ini dengan peratusan sebanyak 7%. Jelaslah bahawa festival “Mek Awang” ini mampu menguatkan lagi identiti budaya Cina Peranakan dalam komuniti mereka. Hal ini disokong oleh informan pertama:

*Ada jugok gerai untuk pameran baju kebaya dan gerai makanan, jadi para pelancong luar yang datang kemari boleh melihat sendiri keunikan seni budaya dan mencuba makanan tradisi kaum Cina khususnya semasa festival ini berlangsung.*

Akhir sekali, penglibatan komuniti Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang” masih diraikan semasa pandemik Covid-19. Seramai 50 orang responden dengan peratusan sebanyak 76% menjawab tidak bersetuju dengan pernyataan ini manakala 12 orang responden iaitu 18% yang bersetuju. Hanya 6% bersamaan 4 orang sahaja yang menjawab tidak pasti dengan pernyataan ini. Kesimpulannya, festival “Mek Awang” tidak dapat diraikan dan disambut sepanjang pandemik Covid-19 kerana ketika itu kerajaan telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dimana semua perniagaan dan aktiviti keramaian tidak dibenarkan berlangsung dana segala aktiviti luar tidak dibenarkan sama sekali. Hal ini dibuktikan melalui keratan akhbar Berita Harian, festival “Mek Awang” adalah salah satu usaha yang dilancarkan semasa sambutan Tahun Baru Cina 2021 walaupun dalam keadaan pandemik dan perlu mematuhi SOP.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### **4.4.4 Potensi melestarikan warisan Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang”**

Potensi melestarikan festival “Mek Awang” di Terengganu merupakan bahagian D yang terdapat di dalam borang soal selidik dimana dalam bahagian ini terdapat enam soalan seperti yang ditunjukkan oleh jadual di bawah.

Jadual 4.4: Potensi melestarikan festival “Mek Awang” Terengganu

<b>SOALAN</b>	<b>Ya</b>		<b>Tidak</b>		<b>Tidak Pasti</b>	
	<b>R</b>	<b>%</b>	<b>R</b>	<b>%</b>	<b>R</b>	<b>%</b>
1. Adakah terdapat usaha daripada pihak kerajaan atau masyarakat Terengganu untuk mengekalkan warisan kaum Cina Peranakan?	54	82	3	4	9	14
2. Adakah keterlibatan komuniti Cina Peranakan memberi sumbangan dalam festival “Mek Awang” untuk melestaikan warisan budaya mereka?	44	67	5	7	17	26
3. Adakah festival “Mek Awang” menarik minat generasi muda untuk terlibat agar warisan budaya dapat dikekalkan dan dijaga?	44	67	5	7	17	26
4. Adakah festival “Mek Awang” ini mampu menghidupkan Kembali tradisi yang sudah dilupakan dalam komuniti Cina Peranakan?	53	81	2	3	11	16
5. Adakah festival “Mek Awang” dipromosikan dalam platform media seperti Facebook “Peranakan Cina Terengganu”?	39	60	5	7	22	33
6. Adakah semasa pandemik Covid-19, Cina Peranakan mempunyai kekangan dan masalah dalam melestaikan festival “Mek Awang”?	37	56	15	23	14	21

Sumber:Kajian Lapangan,2023.

Berdasarkan jadual 4.8 diatas, menunjukkan potensi melestarikan Cina Peranakan di Terengganu dalam festival “Mek Awang”. Soalan pertama berkaitan adakah terdapat usaha daripada pihak kerajaan atau masyarakat Terengganu untuk mengekalkan warisan kaum Cina Peranakan. Seramai 54 orang responden menjawab ya dengan jumlah peratusan sebanyak 82% manakala responden yang menjawab tidak pasti seramai 9 orang iaitu 14% dan responden yang menjawab tidak terhadap pernyataan tersebut adalah seramai 3 orang responden dengan peratusan sebanyak 4%. Hal ini dapat disimpulkan bahawa responden bersetuju dengan usaha yang dilaksanakan daripada pihak kerajaan atau masyarakat Terengganu khususnya warisan kaum Cina Peranakan dapat dikekalkan ke generasi yang seterusnya. Hal ini dikuatkan lagi melalui pernyataan melalui informan:

*Hok saye ingat, Timbalan Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Terengganu terlibat dalam mempromosikan Festival “Mek Awang” untuk mengetengahkan budaya kaum Cina di Terengganu yang diadakan selama tiga hari. Festival ni jugok ada bekerjasama dengan Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu (JPNT) dimana untuk kekalkan warisan tradisional yang unik termasuk adatnye.*

(I1, Penduduk Cina Peranakan Chinatown)

Soalan kedua mengenai keterlibatan komuniti Cina Peranakan memberi sumbangan dalam festival “Mek Awang” untuk melestarikan warisan budaya mereka. Peratusan yang paling tinggi adalah responden yang menjawab ya iaitu sebanyak 67% bersamaan 44 orang responden manakala 17 orang responden dengan peratusan sebanyak 26% menjawab tidak pasti.

Hanya 7% iaitu 5 orang sahaja responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Jelaslah bahawa, keterlibatan daripada Cina Peranakan Terengganu dalam festival “Mek Awang” ini secara tidak langsung dapat memberi sumbangan kepada komuniti mereka dalam usaha untuk melestarikan warisan budaya mereka. Hal ini diperkuuhkan lagi dengan pernyataan informan kelima:


*Festival ini lebih tertumpu pada adat tradisi kaum cina dari segi pakaian, warisan dan budaya, makanan dan sebagainya.*

Seterusnya, soalan ketiga berkaitan usaha menarik minat generasi muda untuk terlibat dalam festival “Mek Awang”. Majoriti 44 orang responden iaitu 67% yang bersetuju dengan pernyataan ini manakala seramai 17 orang responden iaitu 26% yang menjawab tidak pasti. Hanya 7% iaitu 5 orang sahaja responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Tuntasnya, majoriti bersetuju bahawa festival “Mek Awang” ini dapat menarik generasi muda untuk mengetahui asal usul festival ini agar seni warisan dan budaya mereka dapat dikekalkan sekali gus dapat dipeliharaan dengan baik.

Soalan yang keempat berkaitan mengenai festival “Mek Awang” yang mampu menghidupkan kembali tradisi yang sudah dilupakan dalam komuniti Cina Peranakan. Seramai 53 orang responden menjawab ya dengan peratusan sebanyak 81% manakala seramai 11 orang responden iaitu 16% yang menjawab tidak pasti. Hanya 2 orang sahaja iaitu bersamaan 3% responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Jelaslah menunjukkan bahawa festival “Mek Awang” mampu menghidupkan

Kembali tradisi kaum komunit cina khususnya Cina peranakan di Terengganu. Hal ini dikuatkan lagi dengan akhbar Bernama, komuniti Cina yang merupakan anak jati Terengganu yang tinggal di luar negara biasanya akan pulang meraikan festival ini dan secara tidak langsung dapat mengimbas kembali budaya yang semakin dilupakan.

Soalan kelima berkaitan adakah festival “Mek Awang” ini dipromosikan dalam platform media sosial atau tidak. Seramai 39 orang responden bersetuju dengan pernyataan ini dengan peratusan paling tinggi iaitu sebanyak 60% manakala 22 orang sahaja responden iaitu sebanyak 33% yang menjawab soalan tersebut dengan tidak pasti. Hanya 5 orang sahaja yang tidak bersetuju dengan peratusan paling rendah iaitu sebanyak 7%. Jelaslah menunjukkan bahawa festival “Mek Awang” ini giat dipromosikan



di media sosial seperti Facebook, Instagram, Tiktok dan sebagainya.

Rajah 4.3: Media digunakan oleh Cina Peranakan.  
Sumber: Facebook dan Instagram Cina Peranakan.

Akhir sekali, soalan berkaitan adakah sebarang kekangan atau masalah yang dihadapi untuk melestarikan festival “Mek Awang” sepanjang pandemik Covid-19. Majoriti 37 orang responden iaitu 56% yang bersetuju dengan pernyataan ini manakala 15 orang responden iaitu 23% yang tidak bersetuju. Hanya 21% iaitu 14 orang sahaja yang tidak pasti dengan pernyataan ini. Kesimpulannya, festival “Mek Awang” sememangnya mempunyai kekangan dan masalah semasa pandemik Covid-19 kerana ketika itu kerajaan telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dimana semua perniagaan dan aktiviti keramaian tidak dibenarkan berlangsung. Hal ini dibuktikan lagi dengan:


Menurut Syed Ezdy (2021), Pada tahun 2018, festival ini ditukar namanya kepada Festival Mek dan Awang walaupun pada tahun 2021 negara kita dilanda dengan wabak Covid-19, festival ini diraikan secara sederhana dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP).

#### **4.5 Kerangka Model**

Kerangka Model ini merupakan perkaitan dengan objektif kedua iaitu “Penglibatan Komuniti Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang”. Perkaitan kerangka ini seperti di bawah:

## Kaum Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu: Kajian ke atas penglibatan komuniti Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang”.

### Kerangka tangga penyertaan masyarakat (Ladder of participation) oleh Arnstein (1969)



Rajah 4.9: Kerangka Model

**Tiga tema kerangka tangga penyertaan masyarakat (*Ladder of participation*) ialah:**

**1. Penglibatan tahap *non-participatory***

Penglibatan tahap *non-participatory* merupakan tahap paling bawah ataupun tahap tidak aktif. Kebiasaannya, penglibatan tahap ini komuniti Cina Peranakan yang berumur dan menetap di Chinatown sahaja yang terlibat secara penyertaan sahaja. Penglibatan ini juga untuk mengekalkan keunikan dan kelestarian festival “Mek Awang” yang mana merupakan salah satu festival tahunan bagi Cina Peranakan di Chinatown. Jadi, Cina Peranakan di Chinatown ini terlibat secara sukarela yang mana dapat mengekalkan sejarah Cina Peranakan malah dapat meningkatkan semangat kekitaan. Peringkat ini juga, Cina Peranakan Terengganu mengunjungi dan menyokong segala aktiviti yang dijalankan sepanjang festival “Mek Awang” berlangsung seperti gerai jualan makanan peranakan, persembahan tarian singa, perarakan maskit bersama Mek dan Awang dan sebagainya. Hal ini disokong oleh beberapa orang informan:

*Melayu, Cina, India ada. Diorang nak ambil tahu lah macam mana gaya hidup mereka, bagaimana mereka memasak. Dan dia nak tahu budaya Cina Peranakan*

(I1, Penduduk Cina Peranakan Chinatown)

*Ada jugak kerana sekitar perkampungan Chinatown ini ada orang melayu yang tinggal berhampiran dengan Chinatown serta beberapa orang daripada bangsa lain.*

(I2, Pemimpin komuniti Chinatown)

*Festival ini bukan tunjuk Cina sahaja, ada penglibatan daripada bangsa Melayu yang tinggal di Terengganu*

(I3, JPKK Chinatown)

*Sudah pasti. Festival ini turut disertai oleh beberapa orang dari etnik Melayu.*

(I4, Penduduk kampung berbangsa Melayu Chinatown)

*Ya, kaum Melayu ada jugak terlibat dalam festival ini namun kaum utama adalah komuniti cina sendiri.*

(I5, AJK PCPT)

## **2. Penglibatan tahap *tokenisme***

Penglibatan ini merupakan tahap pertengahan yang mana bagi mereka yang terlibat secara langsung. Tahap penglibatan ini adalah tokenisme kerana mereka boleh memberi dan menyampaikan maklumat (informing) dan juga terlibat dalam khidmat rundingan (consultation) serta pendamaian (placation). Melalui kajin ini, Timbalan Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Terengganu bekerjasama juga dengan Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu (JPNT) untuk memeriahkan lagi festival “Mek Awang”. Bukan itu sahaja, menerusi hasil Kerjasama ini juga, festival “Mek Awang telah dimasukkan di dalam calendar pelancongan negeri sebagai peringatan festival tahunan bagi Cina Peranakan. Justeru, kerjasama ini juga dapat membantu komuniti setempat dalam melestarikan kebudayaan Cina Peranakan Terengganu untuk mengekalkan warisan mereka. Hal ini sedikit sebanyak dapat terwujudnya pembangunan sosial dan ekonomi yang mana membuktikan Chinatown ini merupakan sebuah menempatan masyarakat Cina tertua. Kerjasama dengan agensi-agensi bertanggungjawab secara tidak langsung dapat merekodkan dan mendokumentasikan warisan Cina Peranakan Terengganu untuk tatapan pada masa akan datang. Hal ini diperkuat lagi dengan kelima-lima orang informan:

*Hok saye ingat, Timbalan Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Terengganu terlibat dalam mempromosikan Festival “Mek Awang” untuk menge tahahkan budaya kaum Cina di Terengganu yang diadakan selama tiga hari. Festival ni jugak ada bekerjasama dengan Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu (JPNT) dimana untuk kekalkan warisan tradisional yang unik termasuk adatnya.*

(I1, Penduduk Cina Peranakan Chinatown)

*Ade. Contohnye, macam Pengurus Jawatankuase Pembangunan Belia, Sukan dan NGO Negeri ade turut serte untuk pasti kelestarian budaya dan warisan komuniti Cina ini dijaga dan nostalgia lame untuk promosikan “Beautiful Terengganu”.*

(I2, Pemimpin komuniti Chinatown)

*Hok saye ingat, persatuan sek-sek dia jual (Dewan Perniagaan Perindustrian Cina Terengganu) (DPPCT) ade ambil inisiatif untuk jenama program ini sebagai nilai tambah pada festival lain macam Festival Peranakan Terengganu dan Festival Perarakan Mazu di Chinatown.*

(I3, JPKK Chinatown)

*Saya dok tahu sangat hok tu, tapi biase ada laa, macam JPNT berkerjasam dengan Persatuan Pertubuhan Perniagaan Cina Peranakan Terengganu Bersama-sama anjur festival “Mek Awang” Pesta Tanglung dan Festival Perayaan di Chinatown. Mungkin ada lagi, tapi saya dokk tahu lah.*

(I4, Penduduk kampung berbangsa Melayu Chinatown)

*Ada, biasanya Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu (JPNT) ade buat promosi Festival “Mek Awang” sempena Sambutan Tahun Baru Cina supaya semua orang boleh balik kampung halaman dan JPNT juga telah masukkan dalam calendar pelancongan Terengganu dengan menganjurkan banyak aktiviti menarik kepada pengunjung termasuk perantau yang pulang ke Chinatown.*

(I5, AJK PCPT)

### 3. Penglibatan tahap *degree of citizen power*

Komuniti yang terlibat pada peringkat ini merupakan penyertaan yang aktif dan berada pada tahap teratas dalam kerangka tangga penyertaan masyarakat (*Ladder of participation*). Penglibatan komuniti setempat mempunyai penyertaan aktif dalam peringkat Kerjasama (partnership), kuasa yang diagihkan (delegated power) dan pengendalian masyarakat (citizen control). Dalam kajian ini, penyertaan komuniti setempat pada tahap tertinggi adalah disebabkan kerana mereka mempunyai institusi pentadbiran kampung yang teratur. Hal ini dikatakan demikian kerana, Cina Peranakan Terengganu mempunyai pemimpin kampung dan pemimpin komuniti yang mengambil berat dalam mengekalkan warisan Cina Peranakan. Bukan itu sahaja, komuniti Cina Peranakan mempunyai Persatuan Peranakan Cina Terengganu yang merupakan antara 13 pertubuhan peranakan di seluruh Asia Tenggara yang aktif dan berkumpulan setiap tahun bagi mengeratkan lagi silaturahim antara golongan peranakan di rantau ini. Rentetan daripada pertubuhan persatuan ini, berlakunya agihan kuasa dari pemimpin komuniti kepada penduduk kampung dalam menjayakan sesuatu program yang dianjurkan terutamanya dalam festival “Mek Awang”. Bagi memastikan sesuatu program berjalan dengan lancar, persatuan ini menyediakan organisasi dan jawatankuasa diwujudkan. Hal ini dikuatkan lagi dengan informan:

*Mengadakan latihan/raptai terlebih dahulu, pengarah program akan memberi taklimat dan tugas yang perlu dilaksanakan oleh para peserta agar festival itu nanti dapat berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah.*

(I5, AJK PCPT)

#### **4.6 Kesimpulan**

Sebagai kesimpulannya, analisis yang dibuat hasil daripada dapatan kajian ini mendapati bahawa kesemua data yang diperolehi menepati ketiga-tiga objektif kajian ini dan sekali gus Festival “Mek Awang” ini merupakan salah satu identiti Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu. Bukan itu sahaja, hasil kajian ini diperoleh daripada kaedah temu bual dan soal selidik. Responden yang terlibat seramai 66 orang soal selidik manakala 5 orang informan ditemu bual. Hasil data-data yang pengkaji perolehi adalah dapat mengetahui sejarah kewujudan masyarakat Cina Peranakan di Terengganu, penglibatan komuniti Cina Peranakan Terengganu dalam festival “Mek Awang” dan pelestarian warisan Cina Peranakan, Chinatown, Terengganu. Jelaslah menunjukkan bahawa dapatan ini dapat memberi impak positif kepada kaum Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu khususnya sekali gus dapat mengekalkan identiti Cina Peranakan itu sendiri agar tidak lupuk ditelan zaman.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 5

### PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN

#### 5.1 Perbincangan

Bab ini adalah merupakan bab terakhir yang merumuskan mengenai keseluruhan kajian yang telah dijalankan. Kajian ini menganalisis berkaitan dengan kaum Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu dengan menjalankan kajian ke atas penglibatan komuniti Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang”. Kajian ini merangkumi pengenalan,sokongan sorotan kajian lepas yang pernah dilakukan oleh pengkaji terdahulu serta metodologi kajian iaitu kaedah pengumpulan. Kaedah analisis yang dipilih akan membentuk hasil akhir dapatan kajian yang diperoleh daripada proses pengumpulan data tersebut. Rumusan daripada kajian ini merangkumi analisis mengenai sejarah masyarakat Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu, penglibatan komuniti Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang” dan potensi keberkesanan festival “Mek Awang” dalam melestarikan warisan Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu.

Bab 1 membincangkan tentang pengenalan kajian yang merangkumi permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian,skop kajian,kepentingan kajian dan organisasi penulisan. Festival “Mek Awang” ini merupakan identiti Cina Peranakan yang mana komuniti Cina Peranakan ini terlibat dalam festival ini. Kajian ini penting untuk mengetahui sejauh manakah komuniti Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang”

masih diaplikasikan pada hari ini. Justeru, kajian ini juga memastikan budaya festival “Mek Awang” dapat diteruskan agar kelestarian festival ini dapat dikekalkan kepada individu, komuniti dan institusi. Kaedah kajian dalam bab ini membincangkan kaedah yang digunakan dalam proses pengumpulan data agar membantu pengkaji untuk memperolehi ketepatan data bagi mencapai objektif kajian.

Bab 2 pula membincangkan tentang kajian literatur dan pembentukan kerangka teori bagi kajian ini. Terdapat pelbagai pendapat dan pandangan ilmiah mengenai perihal penglibatan komuniti Cina Peranakan dan Festival “Mek Awang” yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Kajian literatur merujuk kepada kajian-kajian lepas seperti buku, jurnal dan artikel yang boleh mengukuhkan maklumat kajian yang dijalankan. Sorotan kajian lepas dikenalpasti adalah sebanyak 20 sorotan daripada pengkaji terdahulu berkenaan dengan komuniti Cina Peranakan dan Festival “Mek Awang”. Dalam kajian ini kerangka model iaitu Kerangka tangga penyertaan masyarakat (Ladder of participation) oleh Arnstein (1969) digunakan untuk mengetahui dengan lebih jelas sejarah komuniti Cina Peranakan, penglibatan komuniti Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang” dan potensi melestarikan warisan Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang”. Namun begitu, kajian ini adalah kajian pertama yang mengkaji Kaum Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu: Kajian ke atas penglibatan komuniti Cina Peranakan dalam festival ‘Mek Awang’.

Seterusnya, metodologi kajian dan kaedah menganalisis data telah dibahagikan secara terperinci dalam bab 3. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dalam proses pengumpulan data bagi mendapatkan populasi. Manakala, kaedah kualitatif digunakan bagi menghasilkan data secara gambaran yang boleh diamati. Malah, kajian ini juga

menggunakan dua teknik untuk mengumpulkan data iaitu data primer dan data sekunder. Data primer mengandungi data yang dikumpul daripada responden melalui borang selidik. Data sekunder pula diperoleh berdasarkan sumber data yang dikumpul secara tidak langsung melalui rujukan ilmiah iaitu buku, jurnal, artikel dan tesis samaada secara kepustakaan mahupun digital bagi menyokong dan mengukuhkan lagi kajian yang dilaksanakan.

Bab 4 membincangkan hasil dapatan yang diperoleh melalui kaedah temu bual dan soal selidik. Hasil temu bual dianalisis dengan mengupas semula pemahaman dan penerangan yang dikongsi oleh informan tentang perihal penglibatan komuniti Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang”. Hal ini kerana, data temu bual merupakan data terpenting yang menyokong ketepatan yang dilaksanakan. Segala maklumat yang diperolehi melalui soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif statistik dalam bentuk peratusan kekerapan yang diringkaskan kepada jadual mengikut tema bagi mencapai ketiga-tiga objektif kajian. Seterusnya, penggunaan teori model Kerangka tangga penyertaan masyarakat (Ladder of participation) oleh Arnstein (1969) juga digunakan dalam bab ini dengan mengaitkan segala data yang diperolehi untuk mendapatkan keserasian kajian seperti penglibatan komuniti Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang”. Oleh itu, warisan komuniti Cina Peranakan dalam warisan Cina Peranakan, Terengganu khususnya golongan muda kerana mereka merupakan penerus kepada warisan yang ada.

Pada akhir kajian ini, pengkaji merumuskan analisis yang terdapat dalam bab-bab yang sebelumnya. Aspek lain juga turut dikemukakan iaitu rumusan melalui kajian yang dijalankan di Chinatown, Terengganu. Selain itu, pengkaji juga memberi beberapa cadangan yang dinyatakan untuk dijadikan panduan kepada pengkaji lain yang ingin melakukan kajian pada masa akan datang.

## **5.2 Cadangan daripada hasil kajian**

Pengkaji dapat membuat refleksi daripada kajian penglibatan komuniti Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang” dimana pengkaji berharap agar segala analisis dan dapatan yang diperolehi ini adalah sahih dan sekali gus dapat menambah koleksi rujukan untuk pemkaji baru yang akan datang.

### **5.2.1 Cadangan kepada pengkaji yang akan datang**

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik terdahulu, terdapat beberapa cadangan yang boleh diunsurkan kepada pengkaji yang akan datang seperti mengemaskini data-data yang terbaharu bukan sahaja menggunakan data yang sedia ada sebagai rujukan penyelidikan. Pengkaji akan datang dicadangkan untuk menggunakan dan membuat pemilihan kaedah teori yang betul untuk mendapat data yang lebih terperinci bagi mencapai objektif kajian. Bukan itu sahaja, pemilihan tempat kajian yang strategik juga diambil berat untuk memperolehi data mentah yang sahih dan mudah untuk mencari orang sumber. Oleh itu, pengkaji berharap agar pengkaji yang akan datang dapat membuat kesinambungan daripada kajian mengenai penglibatan Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang”.

### **5.2.2 Cadangan promosi menerusi media massa**

Rentetan itu, pengkaji juga berhasrat untuk memberi cadangan kepada pihak media massa. Berdasarkan analisis penyelidikan yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa platform media sosial seperti Facebook, Instagram dan Tiktok merupakan platform yang menjadi tumpuan golongan muda kini. Hal ini dengan penggunaan platform sebegini, sedikit sebanyak dapat mengetengahkan warisan dan budaya Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu. Oleh itu, dengan penyiaran di dalam platform sebegini golongan muda boleh melihat dengan jelas akan sesuatu budaya sesebuah kaum yang terdapat di Malaysia bukan sahaja dari segi aspek perayaan semata-mata malah aspek yang lain juga.

### **5.2.3 Cadangan kepada institusi pendidikan**

Seterusnya, pengkaji juga berhasrat agar institusi pendidikan khususnya pensyarah, pendidik, pelajar dan mahasiswa dapat mengetahui keunikan festival ini. Hasil kajian yang bermutu dapat melestarikan penglibatan komuniti Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang”. Apabila kajian sebegini dibuat, ia akan memberi kebaikan kepada generasi yang akan datang untuk mengetahui keunikan seni warisan budaya komuniti Cina Peranakan di Chinatown yang banyak mempengaruhi gaya hidup orang Melayu di Terengganu. Bukan itu sahaja, ia juga boleh dijadikan sebagai bahan untuk pelajaran terutamanya dalam subjek Sejarah. Hal ini dapat melahirkan ramai lagi graduan dan pensyarah yang lebih berilmu pengetahuan dalam bidang warisan dan budaya. Jelaslah institusi pendidikan memainkan peranan yang penting dalam memartabatkan warisan tidak ketara.

### 5.3 Rumusan

Kajian ini merupakan kajian penglibatan kaum Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang” di Chinatown, Terengganu. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenalpasti sejarah masyarakat Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu, menghuraikan penglibatan komuniti Cina Peranakan dalam festival “Mek Awang” dan membincangkan potensi keberkesanan festival “Mek Awang” dalam melestarikan warisan Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu. Sepanjang tempoh kajian ini dijalankan, pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan, kaedah soal selidik, dan kaedah temu bual dimana penyelidik telah memilih seramai 65 orang responden secara rawak untuk menjawab soalan soal selidik manakala 5 orang responden untuk ditemubual.

Hasil daripada soal selidik, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa komuniti Cina Peranakan adalah merupakan kaum minoriti yang terdapat di Terengganu. Perkara ini dikukuhkan lagi dengan catatan China dimana Cina telah mula masuk ke tanah Melayu melalui aktiviti perdagangan pada abad ke-15. Hubungan perdagangan yang baik antara Cina dan Melayu menyebabkan banyak gaya hidup Melayu di Terengganu telah diasimilasikan oleh orang Cina terutamanya Cina Peranakan di Terengganu fasih bercakap Melayu (*loghat Terengganu*).

Selain itu, melalui penglibatan komuniti Cina Peranakan Terengganu dalam festival “Mek Awang” ini dapat mengeratkan lagi perpaduan dalam pelbagai kaum terutamanya Melayu dan India. Hal ini dikatakan demikian kerana, semasa berlangsungnya festival “Mek Awang” ini, penyertaan bukan sahaja daripada komuniti Cina Peranakan sahaja malah turut disertai oleh pelancongan dari luar negara yang datang bercuti ke Terengganu. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan seperti pameran pakaian

(Kebaya Baba Nyonya), persembahan tarian singa dan demostrasi membuat kuih. Rentetan daripada kepelbagaian aktiviti ini, orang luar khususnya para pelancong dapat merasai sendiri keunikan dan keistimewaan festival “Mek Awang”.

Kajian ini juga berupaya mengetengahkan agar festival “Mek Awang” ini berpotensi melestarikan warisan Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu agar festival ini dapat diwarisi oleh generasi muda yang akan datang. Pewarisan dari generasi ke generasi ini penting agar segala warisan dan budaya dapat dikekalkan dan tidak ditelan zaman. Golongan muda perlu menjadi tunjang utama dalam mengekalkan sesuatu tradisi. Bukan itu sahaja, media massa juga perlulah memainkan peranan penting dalam menyiapkan info-info berkaitan agar kelestarian festival “Mek Awang” ini dapat dikekalkan.

## RUJUKAN

- ALI, F. S. (2019, October 22). *Keunikan peranakan Cina Terengganu*. Sinar Harian. <https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/53372>
- Alba,R.A 1990. Ethnic Identity: The Transformation of White American. New Heaven: Yale University Press.
- Banks,J.A. 1999. *An Introduction to Multicultural Education*. Needham Heights: Allyn & Bacon.
- Barth,F. 1969. *Ethnic Groups and Boundaries*.Boston: Little,Brown and Company.
- Fishman,J.A. 1977. Language and ethnicity. DLM. Giles (ed.). Language,Ethnicity and Intergroup Relations: 15-57. London:Academic Press.
- Geertz, C.1963. The integrative revolution: Primordial sentiments and civil politics in the new states. DLM C.Geertz (ed.). *Old Societies and New States: The Quest for Modernity in Asia and Africa*: 105-157.New York: Free Press of Glenco,
- Gosling, L.A.P.1964. Migration and assimilation of rural Chinese in Terengganu.DLM J. Bastin dan R.Roolvink (ed.). *Malayan and Indonesia Studies*. Essay presented to Sir Richard Winstedt on his eighty-fifth birthday:203-221.Oxford: The Clarendon Press.
- Liebkind, K.1989. The identity of a Minority. Journal of Multilingual and Multicultural Development 10(1),47-57.
- Marger, M.N.2003.*Race and Ethnic Relations*:America and Global Perspectives. USA: Wadsworth/Thompson Learning.
- Rosnita Abdullah 2009.*Kulit Manis: a Taste of Terengganu's Heritage*.Kuala Lumpur: My Viscom.
- Tan Chee Beng 1988.*The Baba of Melaka: Culture and Identity of a Chinese Peranakan Community in Malaysia*.Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- SABRI AHMAD, S. F. (2021, Februari 08). *Legasi Dan Keunikan Cina Peranakan Terengganu Sejak Tujuh Abad*. TRD News. <https://www.trdi.my/legasi-dan-keunikan-cina-peranakan-terengganu-sejak-tujuh-abad>
- SUA, Y. T. (2011). Akulturasi Peranakan Cina di Tirok, Terengganu, *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu*, 2:2, 151-162.

Unit Perancangan Ekonomi Negeri Terengganu.2008.*Data Asas Negeri Terengganu 2008.*  
Kuala Terengganu:Unit Perancangan Ekonomi Negeri Terengganu.

Yayasan Hasanah (2022, November 1). *Persatuan Peranakan Cina Terengganu.* ArtFAS.  
<https://www.artfas.org/profile/persatuan-peranakan-cina-terengganu/>

ZULKIFLI, M. A. (2022, Februari 1). *Cina Peranakan Terengganu pertahan identiti hadapi arus pemodenan.* Malaysia Now.  
<https://www.malaysianow.com/my/news/2022/02/01/cina-peranakan-terengganu-pertahan-identiti-hadapi-arus-pemodenan>

ZULKIFLI, A. R. (2021, Februari 14). *Budaya unik Peranakan Cina.* Berita Harian.  
<https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/hujung-minggu/lain-lain/2021/02/786042/budaya-unik-peranakan-cina>

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## LAMPIRAN A

Table 3.1 <i>Table for Determining Sample Size of a Known Population</i>									
N	S	N	S	N	S	N	S	N	S
10	10	100	80	280	162	800	260	2800	338
15	14	110	86	290	165	850	265	3000	341
20	19	120	92	300	169	900	269	3500	346
25	24	130	97	320	175	950	274	4000	351
30	28	140	103	340	181	1000	278	4500	354
35	32	150	108	360	186	1100	285	5000	357
40	36	160	113	380	191	1200	291	6000	361
45	40	170	118	400	196	1300	297	7000	364
50	44	180	123	420	201	1400	302	8000	367
55	48	190	127	440	205	1500	306	9000	368
60	52	200	132	460	210	1600	310	10000	370
65	56	210	136	480	214	1700	313	15000	375
70	59	220	140	500	217	1800	317	20000	377
75	63	230	144	550	226	1900	320	30000	379
80	66	240	148	600	234	2000	322	40000	380
85	70	250	152	650	242	2200	327	50000	381
90	73	260	155	700	248	2400	331	75000	382
95	76	270	159	750	254	2600	335	100000	384

Note: N is Population Size; S is Sample Size

Source: Krejcie & Morgan, 1970

Sumber: Krejcie & Morgan, 1970.

Sumber: Google.

**LAMPIRAN B****(BORANG SOAL SELIDIK)****KAUM CINA PERANAKAN DI CHINATOWN, TERENGGANU: KAJIAN KE ATAS PENGLIBATAN KOMUNITI CINA PERANAKAN DALAM FESTIVAL ‘MEK AWANG’**

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti sejarah masyarakat Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu, menghuraikan penglibatan komuniti Cina Peranakan dalam Festival “Mek Awang” dan membincangkan potensi keberkesanan Festival “Mek Awang” dalam melestarikan warisan Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu.

Tujuan soal selidik ini adalah untuk mengumpul data bagi memenuhi projek ijazah.

Disediakan oleh:

**NUR ATHIRAH AQILAH BINTI ARIFFIN**

**Bahagian A: Demografi Responden**

Sila tandakan (/) pada petak yang berkenaan.

1. Jantina

Lelaki

Perempuan

2. Umur

18-25 Tahun

26-45 Tahun

46-65 Tahun

66-90 Tahun

3. Pekerjaan

Pelajar

Kerajaan & Swasta

Kerja Sendiri

Tidak bekerja

4. Bangsa

Melayu

India

Cina

Lain-lain

5. Tahap Pendidikan

Sekolah Rendah

Degree

Sekolah Menengah

Master dan PhD

## Bahagian B: Bagaimanakah kewujudan masyarakat Cina Peranakan di Terengganu?

Sila tandakan (/) pada petak yang berkenaan.

<b>SOALAN</b>	<b>PILIHAN JAWAPAN</b>		
	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>	<b>Tidak Pasti</b>
1. Adakah anda tahu bahawa terdapatnya satu perkampungan Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu?			
2. Adakah anda tahu bahawa bermula abad ke-15, Chinatown, Terengganu merupakan perkampungan terbesar bagi pedagangan Cina?			
3. Adakah anda tahu bahawa Cina Peranakan adalah merupakan kaum minoriti yang terdapat di Terengganu?			
4. Adakah anda tahu bahawa satu pelabuhan perdagangan yang terdapat di pesisiran Pantai Timur iaitu Sungai Terengganu telah wujudnya Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu?			
5. Adakah anda tahu akan rekod catatan China menyatakan bahawa kedatangan Cina Peranakan di Terengganu melalui persinggahan pelayar terkenal iaitu Abdullah Munsyi?			
6. Adakah anda tahu akan Cina Peranakan mempengaruhi budaya dan masyarakat Terengganu terutamanya dari segi komunikasi dalam budaya, masakan dan gaya hidup?			

**Bahagian C: Bagaimanakah penglibatan komuniti Cina Peranakan Terengganu dalam festival “Mek Awang”?**

Sila tandakan (/) pada petak yang berkenaan.

<b>SOALAN</b>	<b>PILIHAN JAWAPAN</b>		
	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>	<b>Tidak Pasti</b>
1. Adakah anda tahu tentang Festival “Mek Awang” berkait rapat dengan komuniti Cina Peranakan di Terengganu?			
2. Adakah Festival “Mek Awang” ini disertai oleh Cina Peranakan di Terengganu sahaja?			
3. Adakah anda tahu bahawa pelbagai aktiviti menarik yang diadakan semasa Festival “Mek Awang” seperti jualan peranakan, persembahan tarian singa dan demonstrasi membuat kuih dan sebagainya?			
4. Adakah terdapat sebarang konflik atau ketegangan yang timbul semasa Festival “Mek Awang” berlangsung?			
5. Adakah penyertaan komuniti Cina Peranakan dalam Festival “Mek Awang” dapat menguatkan lagi identiti budaya mereka?			
6. Adakah semasa pandemic Covid-19, Cina Peranakan ini masih meraikan Festival “Mek Awang”?			

**Bahagian D: Sejauhmanakah festival “Mek Awang” berpotensi melestarikan warisan Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu ?**

Sila tandakan (/) pada petak yang berkenaan.

<b>SOALAN</b>	<b>PILIHAN JAWAPAN</b>		
	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>	<b>Tidak Pasti</b>
1. Adakah terdapat usaha daripada pihak kerajaan atau masyarakat Terengganu untuk mengekalkan warisan kaum Cina Peranakan?			
2. Adakah keterlibatan komuniti Cina Peranakan memberi sumbangan dalam Festival “Mek Awang” untuk melestarikan warisan budaya mereka?			
3. Adakah Festival “Mek Awang” menarik minat generasi muda untuk terlibat agar warisan budaya dapat dikekalkan dan dijaga?			
4. Adakah Festival “Mek Awang” ini mampu menghidupkan kembali tradisi yang sudah dilupakan dalam komuniti Cina Peranakan?			
5. Adakah Festival “Mek Awang” dipromosikan dalam platform media seperti Facebook “Peranakan Cina Terengganu”?			
6. Adakah semasa pandemic Covid-19, Cina Peranakan mempunyai kekangan dan masalah dalam melestarikan Festival “Mek Awang”?			

**LAMPIRAN C****SOALAN TEMU BUAL****NAMA:****UMUR:****PEKERJAAN:****TARIKH:****Soalan 1:**

**Bolehkah anda terangkan bagaimana kewujudan masyarakat Cina Peranakan di Terengganu?**

Jawapan:

**Soalan 2:**

**Bolehkah anda terangkan sedikit sebanyak “Festival Mek Awang”?**

Jawapan:

**Soalan 3:**

**Sejak bilakah “Festival Mek Awang” diperkenalkan?**

Jawapan:

**Soalan 4:**

**Berapa lamakah Festival “Mek Awang” diraikan di Chinatown?**

Jawapan:

**Soalan 5:**

**Adakah anda pernah menyertai dan terlibat dalam Festival “Mek Awang”?**

Jawapan:

**Soalan 6:**

**Siapakah yang terlibat dalam menganjurkan Festival “Mek Awang”?**

Jawapan:

**Soalan 7:**

**Apakah aktiviti yang dilakukan sepanjang Festival “Mek Awang”?**

Jawapan:

**Soalan 8:**

**Adakah terdapatnya penglibatan daripada bangsa lain dalam Festival “Mek Awang”?**

Jawapan:

**Soalan 9:**

**Bagaimanakah persediaan yang dibuat sebelum berlangsungnya Festival “Mek Awang”?**

Jawapan:

## LAMPIRAN D

### TEMU BUAL ORANG SUMBER (*Informan 1*)

**NAMA: SI KWEE XIXI**

**UMUR: 40 TAHUN**

**JAWATAN: PENDUDUK CINA PERANAKAN CHINATOWN**

**TARIKH: 14 JULAI 2023**

**Soalan 1:**

**Bolehkah anda terangkan bagaimana kewujudan masyarakat Cina Peranakan di Terengganu?**

**Jawapan:**

*Yang saya ingat dan tahu, orang Cina ye mari dan singgoh di Kampung Tiruk. Mereka mari sini dengan kapal layar (**orang ganung panggil “tokang”**). Kapal dulu-dulu dok canggih macam lening, dulu para pelayor/pedagang berlayar naik kapal ikut pergerakan angin sebab enjin kapal tak dop lagi zaman dulu. Ada sorang Cina di Kampung Tiruk hok panda nulis tulisan jawi sebab ye banyak gaul dengan orang melayu kat kg tu. Zaman dulu sekolah dok banyak, jadi ramai yang dok sek. Awok-awok cina mari di kg Melayu dan gaul dengan orang kg yang ramai peranakan Baba Nyonya dan ade yaang nikoh capur (Cina kahwin dengan bangsa lain). Oleh itu, sosiabudaya Cina dan Melayu khususnya dop banyak beza dari segi pemakaian (baju kebaya Nyonya seakan sama dengan baju kebaya orang melayu), makanan tradisi, seni warisan dan sebagainya.*

*Saya sekarang merupakan generasi ke-6 bagi komuniti Cina peranakan di Terengganu. Dulu sini (Chinatown) ada satu perang besar. Selepas perang tu berlaku, ramai yang lari dan berhijrah ke tempat lain dengan kapal layar. Dulu kalu naik kapal, kalu ombok besar ramai yang terkorban.*

**Soalan 2:**

**Bolehkah anda terangkan sedikit sebanyak “Festival Mek Awang”?**

**Jawapan:**

*Festival Mek Awang ni dia macam nak tunjuk pemakanan orang Cina Peranakan, pakaian dia and then pertunjukan kuih tradisi*

**Soalan 3:**

**Sejak bilakah “Festival Mek Awang” diperkenalkan?**

**Jawapan:**

*Kalu dok salah ingat saya, festival ini mule diperkenalkan pada tahun 2017, bulan berapse tu saye dok ingat la.*

**Soalan 4:**

**Berapa lamakah Festival “Mek Awang” diraikan di Chinatown?****Jawapan:**

Dok lama pun festival ni berlangsung, lebih kurang 3 hari 2 malam gitu je.

**Soalan 5:**

**Adakah anda pernah menyertai dan terlibat dalam Festival “Mek Awang”?**

**Jawapan:**

Ade jugok sekali kebetulan mase tu saye ade join Persatuan Cina Peranakan Terengganu.

**Soalan 6:**

**Siapakah yang terlibat dalam menganjurkan Festival “Mek Awang”?**

**Jawapan:**

Setahu saye, biasa kalu ada program atau festival gini, persatuan Cina dengan kerjasama beberapa agensi lain.

**Soalan 7:**

**Apakah aktiviti yang dilakukan sepanjang Festival “Mek Awang”?**

**Jawapan:**

Semasa pernglibatan saya, Saya adalah salah seorang model yang memperaga baju kebaya Nyonya. Selain itu, saya membuat demo masakan Cina Peranakan. Makanan orang Cina Terengganu dok jauh beza pun dengan makanan orang melayu Terengganu seperti pulut lepe(pulut panggang) dan pulut gaul nyoir yang saya buat sendiri. Orang lain ade buat demo cara buat kuih lapis, sekaya, kepok lekor (keropok lekor).

**Soalan 8:**

**Adakah terdapatnya penglibatan daripada bangsa lain dalam Festival “Mek Awang”?**

**Jawapan:**

Melayu, Cina, India ada. Diorang nak ambil tahu lah macam mana gaya hidup mereka, bagaimana mereka memasak. Dan dia nak tahu budaya Cina Peranakan

**Soalan 9:**

**Bagaimanakah persediaan yang dibuat sebelum berlangsungnya Festival “Mek Awang”?**

**Jawapan:**

Kalau macam saya, sebelum bermulanya festival, saya akan mengenalpasti baju kebaya Nyonya mana yang akan diperagakan nanti. Ada jugok gerai untuk pameran baju kebaya dan gerai makanan, jadi para pelancong luar yang datang kemari boleh melihat sendiri keunikan seni budaya dan mencuba makanan tradisi kaum Cina khususnya semasa festival ini berlangsung.

**Soalan 10:**

**Adakah terdapat kerjasama daripada pihak berkuasa dalam melestarikan Festival “Mek Awang”?**

**Jawapan:**

Hok saye ingat, Timbalan Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Terengganu

*terlibat dalam mempromosikan Festival “Mek Awang” untuk mengecangkan budaya kaum Cina di Terengganu yang diadakan selama tiga hari. Festival ni jugak ada bekerjasama dengan Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu (JPNT) dimana untuk kekalkan warisan tradisional yang unik termasuk adatnya.*

### **TEMU BUAL ORANG SUMBER (Informan 2)**

**NAMA: TAN HE JACT**

**UMUR: 70 TAHUN**

**JAWATAN: PEMIMPIN KOMUNITI DI CHINATOWN**

**TARIKH: 28 JULAI 2023**

**Soalan 1:**

**Bolehkah anda terangkan bagaimana kewujudan masyarakat Cina Peranakan di Terengganu?**

**Jawapan:**

*Dulu-dulu pun sudah ada kewujudan Cina semasa pembukaan ladang-ladang baru dan banyak kemasukan buruh Cina untuk mengeluarkan biji timah mengikut keperluan industri. Etnik Cina banyak terdiri daripada suku iaitu Hokkien, Hakka, Kantonis, Teowchew, Hanan dan Fuzhou yang berbeza percakapanya dan dialek.*

*Kalau di Chinatown Terengganu dialek yang terbesar ialah Bahasa Hokkien. Mereka juga fasih berbahasa Melayu (loghat Terengganu) dan bahasa melayu merupakan Bahasa harian yang digunakan untuk berkomunikasi sesama mereka setiap hari.*

*Komuniti Cina juga banyak terlibat dalam sektor awam/ahli politik dan bukan itu sahaja kaum cina ramai yang bekerja sendiri iaitu membuka perniagaannya di Chinatown seperti menjual ubat tradisional, peralatan pertukangan dan kedai makanan.*

**Soalan 2:**

**Bolehkah anda terangkan sedikit sebanyak “Festival Mek Awang”?**

**Jawapan:**

*Festival Mek Awang ni merupakan festival untuk menyambut tahun baru Cina dengan meriah tapi sejak pertukaran tapak pemerintahan, jadi kita kurang anjurkan festival ini kerana tidak mendapat peruntukan daripada kerajaan.*

**Soalan 3:**

**Sejak bilakah “Festival Mek Awang” diperkenalkan?**

<p><u>Jawapan :</u> Festival ini mula berlangsung pada 2017, sekitar bulan 8-9</p>
<p><b>Soalan 4:</b> <b>Berapa lamakah Festival “Mek Awang” diraikan di Chinatown?</b></p>
<p><u>Jawapan:</u> Tak silap saya dalam 3 hari</p>
<p><b>Soalan 5:</b> <b>Adakah anda pernah menyertai dan terlibat dalam Festival “Mek Awang”?</b></p>
<p><u>Jawapan:</u> Ya, saya pernah jugok beberapa kali melibatkan diri dalam festival tersebut.</p>
<p><b>Soalan 6:</b> <b>Siapakah yang terlibat dalam menganjurkan Festival “Mek Awang”?</b></p>
<p><u>Jawapan:</u> Kumpulan Cina Peranakan Bersama agensi perniagaan Cina yang lain.</p>
<p><b>Soalan 7:</b> <b>Apakah aktiviti yang dilakukan sepajang Festival “Mek Awang”?</b></p>
<p><u>Jawapan:</u> Kita buat macam meraikan perayaanlah dimana disediakan tempat jualan, pertunjukan naga, pemakaian Cina, pameran mengenai Cina Peranakan dan sebagainya.</p>
<p><b>Soalan 8:</b> <b>Adakah terdapatnya penglibatan daripada bangsa lain dalam Festival “Mek Awang”?</b></p>
<p><u>Jawapan:</u> Ada jugak kerana sekitar perkampungan Chinatown ini ada orang melayu yang tinggal berhampiran dengan Chinatown serta beberapa orang daripada bangsa lain.</p>
<p><b>Soalan 9:</b> <b>Bagaimanakah persediaan yang dibuat sebelum berlangsungnya Festival “Mek Awang”?</b></p>
<p><u>Jawapan:</u> Kalau bahagian jualan makanan, kami telah mengasingkan tempat makanan halal (bagi pengunjung islam) dan non halal (penganut agama lain).</p>
<p><b>Soalan 10:</b> <b>Adakah terdapat kerjasama daripada pihak berkuasa dalam melestarikan Festival “Mek Awang”?</b></p>
<p><u>Jawapan:</u> Ade. Contohnye, macam Pengerusi Jawatankuase Pembangunan Belia, Sukan dan NGO Negeri ade turut serte untuk pasti kelestarian budaya dan warisan komuniti Cina ini dijaga dan</p>

*nostalgia lame untuk promosikan “Beautiful Terengganu”.*

**TEMU BUAL ORANG SUMBER  
(Informan 3)**

**NAMA: PHUA LIAN KHIM**

**UMUR: 66 TAHUN**

**JAWATAN: JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG (JPKK)**

**TARIKH: 18 OGOS 2023**

**Soalan 1:**

**Bolehkah anda terangkan bagaimana kewujudan masyarakat Cina Peranakan di Terengganu?**

**Jawatan:**

*Pada pendapat saya, orang Cina datang ke Terengganu ini lama dah sejak pemerintah dulu lagi mungkin abad ke-15 tahun dulu. Cina datang untuk jalinkan hubungan diplomatik dulu pada mulanya lepas tu ada perkahwinan raja pada masa tu menyebabkan golongan pengikut dan hamba dari China datang. Selain itu, ada segelintir orang Cina berkahwin dengan penduduk tempatan dan membentuk kumpulan masyarakat Peranakan di Terengganu. Seterusnya, orang Cina berhijrah ke Terengganu dengan kadar pendatang yang ramai untuk bekerja dilombong biji timah sebagai buruh lombong.*

**Soalan 2:**

**Bolehkah anda terangkan sedikit sebanyak tentang “Festival Mek Awang”?**

**Jawatan:**

*Festival Mek Awang ni biasanya diadakan bagi menyambut perayaan tahun baru cina namun sejak peralihan pemerintahan kerajaan Terengganu, festival ini jarang diadakan atas sebab-sebab tertentu.*

**Soalan 3:**

**Sejak bilakah “Festival Mek Awang” diperkenalkan?**

**Jawatan:**

*Saya tidak pasti bila festival ini diperkenalkan.*

**Soalan 4:**

**Berapa lamakah Festival “Mek Awang” diraikan di Chinatown?**

**Jawapan:**

*Lebih kurang 2-3 hari.*

**Soalan 5:**

**Adakah anda pernah menyertai dan terlibat dalam Festival “Mek Awang”?**

**Jawapan:**

*Tidak pernah sama sekali.*

**Soalan 6:**

**Siapakah yang terlibat dalam menganjurkan Festival “Mek Awang”?**

**Jawapan:**

*Tidak pasti, mungkin daripada pertubuhan NGO.*

**Soalan 7:**

**Apakah aktiviti yang dilakukan sepanjang Festival “Mek Awang”?**

**Jawapan:**

*Kebanyakkan aktiviti yang diadakan lebih kurang sama dengan sambutan perayaan tahun baru cina.*

**Soalan 8:**

**Adakah terdapatnya penglibatan daripada bangsa lain dalam Festival “Mek Awang”?**

**Jawapan:**

*Festival ini bukan tunjuk Cina sahaja, ada penglibatan daripada bangsa Melayu yang tinggal di Terengganu*

**Soalan 9:**

**Bagaimanakah persediaan yang dibuat sebelum berlangsungnya Festival “Mek Awang”?**

**Jawapan:**

*Tidak pasti kerana saya tidak pernah terlibat dengan festival tersebut.*

**Soalan 10:**

**Adakah terdapat kerjasama daripada pihak berkuasa dalam melestarikan Festival “Mek Awang”?**

**Jawapan:**

*Hok saye ingat, persatuan sek-sek dia jual (Dewan Perniagaan Perindustrian Cina Terengganu) (DPPCT) ade ambil inisiatif untuk jename program ini sebagai nilai tambah pada festival lain macam Festival Peranakan Terengganu dan Festival Perarakan Mazu di Chinatown.*

**TEMU BUAL ORANG SUMBER**  
*(Informan 4)*

**NAMA:** MOHD HAFIZAN BIN ABDULLAH

**UMUR:** 34 TAHUN

**JAWATAN:** PENDUDUK KAMPUNG BERBANGSA MELAYU

**TARIKH:** 25 OGOS 2023

**Soalan 1:**

**Bolehkah anda terangkan bagaimana kewujudan masyarakat Cina Peranakan di Terengganu?**

**Jawapan:**

*Yang saya tahu, dulu orang Cina datang ke Terengganu dan menetap di sini disebabkan oleh perkembangan perbandaran di sini. Selain itu, di Chinatown ini juga adanya pedagang Cina yang berdagang pada abad ke-15 lagi. Hubungan erat mula terjalin antara pedagang cina dan tempatan disini serta ada juga komuniti Cina terdapat di Kuala Berang yang merupakan pusat perniagaan utama di Asia Tenggara pada abad ke-12. Sungai Terengganu merupakan laluan utama bagi pedagang-pedagang asing pada masa itu.*

**Soalan 2:**

**Bolehkah anda terangkan sedikit sebanyak “Festival Mek Awang”?**

**Jawapan:**

*Tak tahu nak terangkan macam mana kerana saya kurang tahu berkaitan festival ini.*

**Soalan 3:**

**Sejak bilakah “Festival Mek Awang” diperkenalkan?**

**Jawapan:**

*Saya pernah dengar perbualan rakan-rakan tentang festival ini, sekitar pertengahan tahun 2017.*

**Soalan 4:**

**Berapa lamakah Festival “Mek Awang” diraikan di Chinatown?**

**Jawapan:**

*Mungkin 3 hari macam tu.*

**Soalan 5:**

**Adakah anda pernah menyertai dan terlibat dalam Festival “Mek Awang”?**

**Jawapan:**

*Tidak pernah sama sekali cuma pernah hadir ke festival tersebut.*

**Soalan 6:**

**Siapakah yang terlibat dalam menganjurkan Festival “Mek Awang”?**

Jawapan:

*Kumpulan Cina Peranakan berkerjasama dengan Persatuan perniagaan Cina yang lain.*

**Soalan 7:**

**Apakah aktiviti yang dilakukan sepajang Festival “Mek Awang”?**

Jawapan:

*Semasa saya hadir ke festival tersebut, saya dapati ada gerai jualan makanan dan minum,pameran kebudayaan dan sebagainya.*

**Soalan 8:**

**Adakah terdapatnya penglibatan daripada bangsa lain dalam Festival “Mek Awang”?**

Jawapan:

*Sudah pasti. Festival ini turut disertai oleh beberapa orang dari etnik Melayu.*

**Soalan 9:**

**Bagaimanakah persediaan yang dibuat sebelum berlangsungnya Festival “Mek Awang”?**

Jawapan:

*Tidak tahu,mungkin persediaan daripada jumlah penyertaan, persiapan tempat dan sebagainya.*

**Soalan 10:**

**Adakah terdapat kerjasama daripada pihak berkuasa dalam melestarikan Festival “Mek Awang”?**

Jawapan:

*Saya dok tahu sangat hok tu, tapi biase ada laa, macam JPNT berkerjasam dengan Persatuan Pertubuhan Perniagaan Cina Peranakan Terengganu Bersama-sama anjur festival “Mek Awang” Pesta Tanglung dan Festival Perayaan di Chinatown. Mungkin ada lagi, tapi saya dokk tahu lah.*

**TEMU BUAL ORANG SUMBER**  
**(*Informan 5*)**

**NAMA:** SWEE GUAN

**UMUR:** 40 TAHUN

**JAWATAN:** AHLI JAWATANKUASA PERSATUAN CINA PERANAKAN TERENGGANU

**TARIKH:** 22 SEPTEMBER 2023

**Soalan 1:**

**Bolehkah anda terangkan bagaimana kewujudan masyarakat Cina Peranakan di Terengganu?**

**Jawapan:**

*Chinatown pada abad ke-18 menjadi pusat perdagangan dan perniagaan antarabangsa di rantau. Dahulu orang Cina mula bertapak di Chinatown tidak mempunyai pekerjaan, jadinya mereka mengambil upah mengangkut air dari perigi untuk bekalan. Lama-kelamaan golongan Wanita sudah mempunyai pekerjaan lain seperti menjalankan perniagaan di Pasar Kedai Payang yang berada di sekitar Chinatown. Di Kampung Tirok terdapatnya Cina Peranakan yang menetap dan bekerja di Kuala Terengganu. Mereka hanya balik ke Tirok pada hujung minggu.*

**Soalan 2:**

**Bolehkah anda terangkan sedikit sebanyak “Festival Mek Awang”?**

**Jawapan:**

*Festival ini lebih tertumpu pada adat tradisi kaum cina dari segi pakaian, warisan dan budaya, makanan dan sebagainya.*

**Soalan 3:**

**Sejak bilakah “Festival Mek Awang” diperkenalkan?**

**Jawapan:**

*Sekitar tahun 2017. Bulan berapa saya tidak pasti.*

**Soalan 4:**

**Berapa lamakah Festival “Mek Awang” diraikan di Chinatown?**

**Jawapan:**

*Kebiasaannya, festival ini berlangsung selama 3 hari 3 malam sahaja.*

**Soalan 5:**

**Adakah anda pernah menyertai dan terlibat dalam Festival “Mek Awang”?**

**Jawapan:**

*Ya, saya pernah menyertai festival ini beberapa kali sebelum ini.*

**Soalan 6:**

**Siapakah yang terlibat dalam menganjurkan Festival “Mek Awang”?**

**Jawapan:**

Biasanya, persatuan Cina Terengganu dan badan-badan NGO.

**Soalan 7:**

**Apakah aktiviti yang dilakukan sepanjang Festival “Mek Awang”?**

**Jawapan:**

Aktiviti di festival “Mek Awang” lebih kurang sama dengan sambutan tahun baru cina.

**Soalan 8:**

**Adakah terdapatnya penglibatan daripada bangsa lain dalam Festival “Mek Awang”?**

**Jawapan:**

Ya, kaum Melayu ada jugak terlibat dalam festival ini namun kaum utama adalah komuniti cina sendiri.

**Soalan 9:**

**Bagaimanakah persediaan yang dibuat sebelum berlangsungnya Festival “Mek Awang”?**

**Jawapan:**

Mengadakan latihan/raptai terlebih dahulu, pengarah program akan memberi taklimat dan tugas yang perlu dilaksanakan oleh para peserta agar festival itu nanti dapat berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah.

**Soalan 10:**

**Adakah terdapat kerjasama daripada pihak berkuasa dalam melestarikan Festival “Mek Awang”?**

**Jawapan:**

Ada, biasanya Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu (JPNT) ade buat promosi Festival “Mek Awang” sempena Sambutan Tahun Baru Cine supaya semua orang boleh balik kampung halaman dan JPNT juga telah masukkan dalam calendar pelancongan Terengganu dengan menganjurkan banyak aktiviti menarik kepada pengunjung termasuk perantau yang pulang ke Chinatown.

## LAMPIRAN E

### Transkrip Tematik

BIL	KOD DAN HURAIAN	JAWATAN
1.	Informan 1 (I1)	Penduduk Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu.
2.	Informan 2 (I2)	Pemimpin Komuniti di Chinatown, Terengganu.
3.	Informan 3 (I3)	Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK).
4.	Informan 4 (I4)	Penduduk berbangsa Melayu di Chinatown, Terengganu.
5.	Informan 5 (I5)	Ahli Jawatankuasa Persatuan Cina Peranakan Terengganu (AJK PCPT)

Sumber: Kajian Lapangan, 2023.

TEMA	PETIKAN	KOD
	<p>Yang saya ingat dan tahu, orang Cina ye mari dan singgoh di Kampung Tiruk. Mereka mari sini dengan kapal layar (<b>orang ganung panggil “tokang”</b>). Kapal dulu-dulu dok canggih macam lening, dulu para pelayor/pedagang berlayar naik kapal ikut pergerakan angin sebab enjin kapal tak dop lagi zaman dulu. Ada sorang Cina di Kampung Tiruk hok panda nulis tulisan jawi sebab ye banyak gaul dengan orang melayu kat kg tu. Zaman dulu sekolah dok banyak, jadi ramai yang dok sek. Awok-awok cina mari di kg Melayu dan gaul dengan orang kg yang ramai peranakan Baba Nyonya dan ade yaang nikoh capur (Cina kahwin dengan bangsa lain). Oleh itu, sosiabudaya Cina dan Melayu khususnya dop banyak beza dari segi pemakaian (baju kebaya Nyonya seakan sama dengan baju kebaya orang melayu), makanan tradisi, seni warisan dan sebagainya.</p> <p>Saya sekarang merupakan generasi ke-6 bagi komuniti Cina peranakan di Terengganu. Dulu sini (Chinatown) ada satu perang besar. Selepas perang tu berlaku, ramai yang lari dan berhijrah ke tempat lain dengan kapal layor. Dulu kalu naik kapal, kalu ombak besar ramai yang terkorban.</p>	I1

	<p>Dulu-dulu pun sudah ada kewujudan Cina semasa pembukaan ladang-ladang baru dan banyak kemasukan buruh Cina untuk mengeluarkan biji timah mengikut keperluan industri. Etnik Cina banyak terdiri daripada suku iaitu Hokkien, Hakka, Kantonis, Teowchew, Hanan dan Fuzhou yang berbeza percakapanya dan dialek.</p> <p>Kalau di Chinatown Terengganu dialek yang terbesar ialah Bahasa Hokkien. Mereka juga fasih berbahasa Melayu (loghat Terengganu) dan bahasa melayu merupakan Bahasa harian yang digunakan untuk berkomunikasi sesama mereka setiap hari.</p> <p>Komuniti Cina juga banyak terlibat dalam sektor awam/ahli politik dan bukan itu sahaja kaum cina ramai yang bekerja sendiri iaitu membuka perniagaannya di Chinatown seperti menjual ubat tradisional, peralatan pertukangan dan kedai makanan.</p>	I2
Kewujudan Masyarakat Cina Peranakan di Chinatown, Terengganu.	<p>Pada pendapat saya, orang Cina datang ke Terengganu ini lama dah sejak pemerintah dulu lagi mungkin abad ke-15 tahun dulu. Cina datang untuk jalinkan hubungan diplomatik dulu pada mulanya lepas tu ada perkahwinan raja pada masa tu menyebabkan golongan pengikut dan hamba dari China datang. Selain itu, ada segelintir orang Cina berkahwin dengan penduduk tempatan dan membentuk kumpulan masyarakat Peranakan di Terengganu. Seterusnya, orang Cina berhijrah ke Terengganu dengan kadar pendatang yang ramai untuk bekerja dilombong biji timah sebagai buruh lombong.</p>	I3
	<p>Yang saya tahu, dulu orang Cina datang ke Terengganu dan menetap di sini disebabkan oleh perkembangan perbandaran di sini. Selain itu, di Chinatown ini juga adanya pedagang Cina yang berdagang pada abad ke-15 lagi. Hubungan erat mula terjalin antara pedagang cina dan tempatan disini serta ada juga komuniti Cina terdapat di Kuala Berang yang merupakan pusat perniagaan utama di Asia Tenggara pada abad ke-12. Sungai Terengganu merupakan laluan utama bagi pedagang-pedagang asing pada masa itu.</p>	I4
	<p>Chinatown pada abad ke-18 menjadi pusat perdagangan dan perniagaan antarabangsa di rantau. Dahulu orang Cina mula bertapak di Chinatown tidak mempunyai pekerjaan, jadinya mereka mengambil upah mengangkut air dari perigi untuk bekalan. Lama-kelamaan golongan Wanita sudah mempunyai pekerjaan lain seperti menjalankan perniagaan di Pasar Kedai Payang yang berada di sekitar Chinatown. Di Kampung Tirok terdapatnya Cina Peranakan yang menetap dan bekerja di Kuala Terengganu. Mereka hanya balik ke Tirok pada hujung minggu.</p>	I5

Pengetahuan mengenai Festival “Mek Awang”	Festival Mek Awang ni dia macam nak tunjuk pemakanan orang Cina Peranakan, pakaian dia and then pertunjukan kuih tradisi	I1
	Festival Mek Awang ni merupakan festival untuk menyambut tahun baru Cina dengan meriah tapi sejak pertukaran tapak pemerintahan, jadi kita kurang anjurkan festival ini kerana tidak mendapat peruntukan daripada kerajaan.	I2
	Festival Mek Awang ni biasanya diadakan bagi menyambut perayaan tahun baru cina namun sejak peralihan pemerintahan kerajaan Terengganu, festival ini jarang diadakan atas sebab-sebab tertentu.	I3
	Tak tahu nak terangkan macam mana kerana saya kurang tahu berkaitan festival ini.	I4
	Festival ini lebih tertumpu pada adat tradisi kaum cina dari segi pakaian, warisan dan budaya, makanan dan sebagainya.	I5
Bila Festival “Mek Awang” diperkenalkan	Kalu dok salah ingat saya, festival ini mule diperkenalkan pada tahun 2017, bulan berapse tu saye dok ingat la.	I1
	Festival ini mula berlangsung pada 2017, sekitar bulan 8-9	I2
	Saya tidak pasti bila festival ini diperkenalkan.	I3
	Saya pernah dengar perbualan rakan-rakan tentang festival ini, sekitar pertengahan tahun 2017.	I4
	Sekitar tahun 2017. Bulan berapse saya tidak pasti.	I5
Tempoh Festival “Mek Awang” diraikan	Dok lama pun festival ni berlangsung, lebih kurang 3 hari 2 malam gitu je.	I1
	Festival ini mula berlangsung pada 2017, sekitar bulan 8-9	I2
	Lebih kurang 2-3 hari.	I3
	Mungkin 3 hari macam tu.	I4
	Kebiasaannya, festival ini berlangsung selama 3 hari 3 malam sahaja.	I5
Penyertaan dan keterlibatan dalam Festival “Mek Awang”	Ade jugok sekali kebetulan mase tu saye ade join Persatuan Cina Peranakan Terengganu.	I1
	Ya, saya pernah jugok beberapa kali melibatkan diri dalam festival tersebut.	I2
	Tidak pernah sama sekali.	I3
	Tidak pernah sama sekali cuma pernah hadir ke festival tersebut.	I4

	Ya, saya pernah menyertai festival ini beberapa kali sebelum ini.	I5
NGO yang terlibat dalam menganjurkan Festival “Mek Awang”	Setahu saye, biasa kalu ada program atau festival gini, persatuan Cina dengan kerjasama beberapa agensi lain.	I1
	Kumpulan Cina Peranakan Bersama agensi perniagaan Cina yang lain.	I2
	Tidak pasti, mungkin daripada pertubuhan NGO.	I3
	Kumpulan Cina Peranakan berkerjasama dengan Persatuan perniagaan Cina yang lain.	I4
	Biasanya, persatuan Cina Terengganu dan badan-badan NGO.	I5
Aktiviti sepanjang Festival “Mek Awang”	Semasa pernglibatan saya, Saya adalah salah seorang model yang memperaga baju kebaya Nyonya. Selain itu, saya membuat demo masakan Cina Peranakan. Makanan orang Cina Terengganu dok jauh beza pun dengan makanan orang melayu Terengganu seperti pulut lepe(pulut panggang) dan pulut gaul nyoir yang saya buat sendiri. Orang lain ade buat demo cara buat kuih lapis, sekaya, kepok lekor (keropok lekor).	I1
	Kita buat macam meraikan perayaanlah dimana disediakan tempat jualan, pertunjukan naga, pemakaian Cina, pameran mengenai Cina Peranakan dan sebagainya.	I2
	Kebanyakkan aktiviti yang diadakan lebih kurang sama dengan sambutan perayaan tahun baru cina.	I3
	Semasa saya hadir ke festival tersebut, saya dapati ada gerai jualan makanan dan minum,pameran kebudayaan dan sebagainya.	I4
	Aktiviti di festival “Mek Awang” lebih kurang sama dengan sambutan tahun baru cina.	I5
Penglibatan daripada bangsa lain Festival “Mek Awang”	Melayu, Cina, India ada. Diorang nak ambil tahulah macam mana gaya hidup mereka, bagaimana mereka memasak. Dan dia nak tahu budaya Cina Peranakan	I1
	Ada jugak kerana sekitar perkampungan Chinatown ini ada orang melayu yang tinggal berhampiran dengan Chinatown serta beberapa orang daripada bangsa lain.	I2
	Festival ini bukan tunjuk Cina sahaja, ada penglibatan daripada bangsa Melayu yang tinggal di Terengganu	I3
	Sudah pasti. Festival ini turut disertai oleh beberapa orang dari etnik Melayu.	I4


	Ya, kaum Melayu ada jugak terlibat dalam festival ini namun kaum utama adalah komuniti cina sendiri.	I5
Persediaan sebelum Festival “Mek Awang”	Kalau macam saya, sebelum bermulanya festival, saya akan mengenalpasti baju kebaya Nyonya mana yang akan diperagakan nanti. Ada jugok gerai untuk pameran baju kebaya dan gerai makanan, jadi para pelancong luar yang datang kemari boleh melihat sendiri keunikan seni budaya dan mencuba makanan tradisi kaum Cina khususnya semasa festival ini berlangsung.	I1
	Kalau bahagian jualan makanan, kami telah mengasingkan tempat makanan halal (bagi pengunjung islam) dan non halal (pengikut agama lain).	I2
	Tidak pasti kerana saya tidak pernah terlibat dengan festival tersebut.	I3
	Tidak tahu,mungkin persediaan daripada jumlah penyertaan, persiapan tempat dan sebagainya.	I4
	Mengadakan latihan/raptai terlebih dahulu, pengarah program akan memberi taklimat dan tugas yang perlu dilaksanakan oleh para peserta agar festival itu nanti dapat berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah.	I5
Kerjasama daripada pihak berkuasa dalam melestarikan Festival “Mek Awang”	Hok saye ingat, Timbalan Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Terengganu terlibat dalam mempromosikan Festival “Mek Awang” untuk mengetengahkan budaya kaum Cina di Terengganu yang diadakan selama tiga hari. Festival ni jugok ada bekerjasama dengan Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu (JPNT) dimana untukkekalkan warisan tradisional yang unik termasuk adatnye.	I1
	Ade.Contohnye, macam Penggerusi Jawatankuase Pembangunan Belia,Sukan dan NGO Negeri ade turut serte untuk pasti kelestarian budaya dan warisan komuniti Cina ini dijaga dan nostalgia lame untuk promosikan “Beautiful Terengganu”.	I2
	Hok saye ingat, persatuan sek-sek dia jual (Dewan Perniagaan Perindustrian Cina Terengganu) (DPPCT) ade ambil inisiatif untuk jename program ini sebagai nilai tambah pada festival lain macam Festival Peranakan Terengganu dan Festival Perarakan Mazu di Chinatown.	I3
	Saya dok tahu sangat hok tu, tapi biase ada laa, macam JPNT berkerjasam dengan Persatuan Pertubuhan Perniagaan Cina Peranakan Terengganu Bersama-sama anjur festival “Mek Awang” Pesta Tanglung dan Festival Perayaan di Chinatown. Mungkin ada lagi, tapi saya dokk tahu lah.	I4
	Ada, biasanya Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu (JPNT) ade buat promosi Festival “Mek Awang” sempena Sambutan Tahun Baru Cine supaya semua orang boleh balik kampung halaman JPNT juga telah masukkan dalam calendar pelancongan Terengganu dengan menganjurkan banyak aktiviti menarik kepada pengunjung termasuk perantau yang pulang ke Chinatown.	I5

**GAMBAR RESPONDEN (SOAL SELIDIK)**

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

**GAMBAR RESPONDEN (TEMU BUAL)**

Sumber: Kajian Lapangan,2023.

**GAMBAR DI LAPANGAN**

Sumber: Kajian Lapangan, 2023.

**CINA PERANAKAN DALAM FESTIVAL “MEK AWANG” DI CHINATOWN**

Sumber: Google.